**Terokai CEMACS**
MS 14 & 15




**Modal insan capai Visi Penang2030**
MS 4, 9, 10 & 23

SEPTEMBER 16-30, 2019

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow




ACARA perbarisan pada Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

# Hari Kebangsaan Peringkat Negeri disambut penuh muhibah

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**BAGAN DALAM -** Acara sambutan Hari Kebangsaan Ke-62 Peringkat Negeri Pulau Pinang diraikan dengan gilang-gemilang dan penuh semangat muhibah.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff merupakan tetamu kehormat pada acara yang berlangsung di Dataran Pemuda Merdeka dekat sini 31 Ogos lalu.

Sambutan bertemakan "Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih" dimulakan dengan upacara menaikkan Jalur Gemilang oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diiringi nyanyian lagu Negaraku dan Untuk Negeri Kita oleh Koir Guru Muzik dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan bacaan ikrar Rukun Negara oleh lapan penuntut Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jambul dengan diiringi anggota koir sebelum laungan 'MERDEKA' bergema sebanyak tujuh kali.

Persembahan tarian kaum-kaum utama di negara ini oleh Kumpulan Kesenian, Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang ternyata menggamit perhatian lebih 8,000 pengunjung yang hadir dan terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum serta agama.

Kemeriahan kian terasa apabila bermulanya upacara perbarisan dan perarakan masuk 99 kontinjen berjalan kaki dan 14 kontinjen berkenderaan di sepanjang laluan Jalan Haji Ahmad Said dekat sini, kira-kira jam 9.30 pagi dengan jumlah keseluruhan anggota seramai 6,500 orang.

Turut hadir menyerikan majlis, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Hadir sama, barisan Exco, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Parlimen (MP) dan ketua-ketua jabatan peringkat Persekutuan dan Negeri.

Turut dipersembahkan sepanjang acara berlangsung adalah nyanyian lagu-lagu patriotik, deklamasi puisi kemerdekaan dan persembahan '*drumline*' oleh pelajar-pelajar *Penang Free School*.

Acara diakhiri dengan nyanyian lagu *Penang2030* dan Sayangi Malaysiaku.

Selamat Hari Kebangsaan Malaysia!

# Sekitar Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang



**MASYARAKAT berbilang kaum yang hidup dalam keadaan harmoni dan penuh perpaduan.**




**KETUA Menteri bersama-sama barisan penganjur, para jemputan dan peserta-peserta pada Majlis Menyambut Konvoi Merdeka di Tapak Pesta Pulau Pinang baru-baru ini.**



**TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (barisan pertama, berkemeja putih) bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang pada majlis sambutan Konvoi Merdeka di Balik Pulau.**



**KANAK-KANAK bersemangat mengibarkan Jalur Gemilang pada penganjuran program Konvoi Merdeka.**

# Tiada catuan air, SPRWTS perlu dilaksana sebelum 2025

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **PBAPP**

**GEORGE TOWN –** Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) perlu dilaksanakan sebelum tahun 2025 bagi memastikan Pulau Pinang tidak berdepan masalah catuan air.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, perkara itu penting memandangkan Sungai Muda, yang menjadi sumber air mentah utama untuk Kedah dan Pulau Pinang hanya mampu bertahan sehingga 2025.

"SPRWTS amat diperlukan bagi memastikan Pulau Pinang mempunyai air mencukupi untuk merealisasikan aspirasi Visi Penang2030 sebagai 'negeri berorientasi kekeluargaan, hijau dan pintar untuk inspirasi negara'.

"Pelaksanaan SPRWTS akan mengurangkan risiko krisis air di negeri ini pada era perubahan iklim dengan tempoh dan intensiti cuaca kering adalah lebih sukar dijangka.

"Oleh itu, diharapkan Kerajaan Persekutuan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dapat bertindak segera dan tegas untuk memulakan pelaksanaan skim itu," jelasnya dalam kenyataan pada 28 Ogos lalu di sini.

Mengulas lanjut, Jaseni menjelaskan bahawa permintaan air mentah di Pulau Pinang dijangka mencapai 1,483 liter sehari (MLD) menjelang 2030, 1,696 MLD (2040) dan 1,884 MLD menjelang 2050.

"Justeru, adalah mustahil untuk PBAPP mengabstrak air mentah yang cukup dari Sungai Muda bagi memenuhi permintaan air pada masa hadapan," tegasnya.

Beliau dalam pada itu turut menyambut baik pengumuman dibuat Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada 25 Ogos lalu yang menyatakan bahawa pihak Kementerian melalui UKAS akan menjalankan penilaian terperinci mengenai projek berkenaan.

"PBAPP ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri (Kewangan) kerana membuat pengumuman dinanti-nantikan sejak sekian lama berkenaan projek bekalan air utama yang akan memberi manfaat kepada dua negeri iaitu Perak dan Pulau Pinang di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)," ujarnya.

Terdahulu, Guan Eng juga dipetik sebagai menyatakan bahawa SPRWTS akan dinilai dengan kerjasama sektor awam dan swasta yang dijalankan melalui cadangan tender terbuka.



**PEMANDANGAN udara Sungai Perak.**



# Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma terima sumbangan Al-Quran *braille*

**AIR ITAM** – Zakat Pulau Pinang (ZPP) menyumbangkan 30 naskhah Al-Quran bertulisan *braille* kepada Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma, Bukit Mertajam.

Sumbangan tersebut disampaikan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah ZPP, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dekat Masjid Negeri di sini 26 Ogos lalu.

Menurut beliau, sumbangan tersebut merupakan usaha pembaharuan yang dilaksanakan ZPP khususnya pada aspek program penyampaian kepada golongan asnaf.

"Kita sedang memikirkan program-program di luar kebiasaan khususnya dalam usaha membantu golongan asnaf.

"Keduanya adalah usaha kita untuk meningkatkan lagi syiar Islam di negeri ini dengan menyalurkan bantuan berupa Al-Quran *braille* kepada sekolah-sekolah pendidikan khas yang kita usahakan," ujarnya yang juga Yang di-Pertua (YDP) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail merangkap Ahli Majlis bagi MAINPP; Penolong Kanan Pentadbiran SKPK Alma, Mohd. Shahridan Mohd. Ali; guru agama SKPK Alma, Abd. Halim Abdullah dan Presiden Persatuan Tongkat Putih Pulau Pinang, Swarn Singh.

Tambah Abdul Malik, cadangan yang diberikan oleh Swarn diterima oleh ZPP iaitu untuk menyampaikan Al-Quran *braille* kepada orang kurang upaya (OKU) penglihatan.

"Sebenarnya, kita (MAINPP) sumbangkan 40 naskhah Al-Quran *braille* secara keseluruhan yang mana 30 daripadanya adalah kepada SKPK Alma, manakala baki 10 kepada individu atau orang perseorangan,''jelasnya.

Pada majlis penyampaian tersebut, pelajar SKPK Alma, adik Nur Ainul Mardiah Md. Safrizan, 10, turut memperdengarkan bacaan ayat suci Al-Quran dari Surah Al-Balad.



**ABDUL Malik Abul Kassim (berdiri, empat dari kanan), Mohd. Tuah Ismail (berdiri, tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para pelajar SKPK Alma bersempena Majlis Penyampaian Al-Quran Braille di sini baru-baru ini. Turut kelihatan, Nur Ainul Mardiah Md. Safrizan (duduk, empat dari kanan).**



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (empat dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil terlibat meneliti pelan berkaitan pada sesi lawatan tapak di sini baru-baru ini.**

## Masjid di Bandar Batu Kawan harap siap akhir 2021

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN** – Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berharap cadangan pembinaan sebuah masjid baharu di Bandar Batu Kawan dengan anggaran peruntukan kira-kira RM5 juta dapat disiapkan mengikut jangkaan tempoh masa pada akhir tahun 2021.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, projek pemajuan masjid meliputi kawasan perkuburan Islam tersebut adalah melibatkan tanah seluas empat ekar, milik agensi Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Ada tiga tapak masjid yang dirancang projek pemajuan, selain tapak kubur untuk orang Islam di Bandar Batu Kawan ini.

"Di sini, adalah salah satu tempat fasa awal yang akan dimajukan dulu...melibatkan anggaran peruntukan RM5 juta, iaitu RM3.25 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (RM1.5 juta)," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat ketika melawat tapak cadangan projek pemajuan masjid tersebut di sini pada 26 Ogos 2019.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. Mohd. Farazi Johari; Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Yazman Yahya dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Pulau Pinang (JHEINPP), Zulkifli Long.

Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa projek pemajuan masjid tersebut akan dilaksanakan melibatkan PDC dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), kelak.

## Pusat diminta kaji semula hasrat tidak lagi bina PPR

**GEORGE TOWN** - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin dimohon mempertimbang semula hasrat untuk tidak lagi membina Program Perumahan Rakyat (PPR) iaitu skim sewa kediaman untuk golongan terpilih yang berpendapatan isi rumah 40 peratus paling rendah (B40) di tanah air ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, bukan semua B40 mampu membeli unit PPR yang bakal dijenamakan semula sebagai Program Perumahan Malaysia, jika ditawarkan pada harga antara RM90,000 hingga RM300,000.

"Sebelum ini, kalau PPR disewa kepada golongan B40 dengan kadar RM100 dan RM24 yuran penyelenggaraan tiap-tiap bulan.

"Walaupun (pada jumlah keseluruhan RM124 sebulan), ia hanya untuk sewa sahaja.

"Harga jualan antara RM90,000 hingga RM300,000 selepas penjenamaan semula ini akan menyebabkan bekalan unit-unit rumah PPR tak dilaksanakan lagi, sebab ada program yang baru (iaitu Program Perumahan Malaysia).

"RM90,000 harga rumah di bawah Program Perumahan Malaysia ini pun lebih tinggi berbanding harga rumah Kos Sederhana Rendah (KSR) di Pulau Pinang (pada harga RM72,500 seunit).

"Kalau golongan B40 yang selama ini tidak mampu membeli unit-unit rumah Kos Sederhana Rendah (KSR), cuma mengharapkan sewa PPR atau membeli rumah Kos Rendah (KR, RM42,000 seunit), bagaimana mereka boleh membeli unit kediaman di bawah Program Perumahan Malaysia kelak," jelasnya dalam sidang media di sini 6 September 2019.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan berasingan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo pada sidang media hari sama yang melahirkan rasa terkejut dengan pengumuman menteri serta meminta Kerajaan Persekutuan mengkaji semula hasrat untuk tidak meneruskan projek PPR di seluruh negara.

Kon Yeow bagaimanapun berkata bahawa Kerajaan Negeri akan tetap melaksanakan projek pembinaan KSR walaupun kelak Kerajaan Pusat tetap meneruskan hasrat untuk tidak lagi membekalkan PPR di negeri ini.

"KSR, Kerajaan Negeri tetap akan meneruskan dasar sedemikian, tetapi, PPR yang menjadi tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui suatu pengumuman (Zuraida) mengenai penjenamaan baharu, maka PPR tidak lagi dibina.

"Ini, yang kita rasa mengapa YB Jagdeep kata kita (Pulau Pinang) tidak boleh terima (hasrat KPKT), dan saya pun rasa begitu lah.

"Saya menyeru supaya perkara ini (hasrat tidak lagi membina PPR) dikaji semula," serunya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

# *MakerLab* mampu lahir lebih ramai bakat STEM

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BERAPIT –** Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Berapit dan SMK Jalan Damai merupakan sekolah menengah terawal di Seberang Perai yang menubuhkan *MakerLab*.

Makmal berkenaan berjaya ditubuhkan pada Ogos lalu selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri ke arah meningkatkan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Inisiatif tersebut adalah hasil usahasama di antara Plexus Manufacturing Sdn. Bhd. (Plexus) dan *Penang Science Cluster* (PSC).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, PSC sememangnya memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan bidang STEM, inovasi dan keusahawanan di negeri ini.

"Kami amat berbesar hati kerana berpeluang menyaksikan pelancaran *MakerLab* iaitu makmal yang membolehkan pelajar mempelajari kemahiran teknikal penting seperti pengekodan, sistem terbenam, reka bentuk 3D dan percetakan 3D.

"Mewujudkan kumpulan bakat yang kuat pada masa depan sentiasa menjadi salah satu agenda penting bagi Pulau Pinang dan juga negara," ucapnya pada Majlis Perasmian Pembukaan MakerLab dekat SMK Jalan Damai di sini pada 26 Ogos lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee; Presiden Plexus APAC, Datuk Lim Yong Jin; Pengarah PSC, Datuk Yoon Chon Leong; Ketua Pegawai Eksekutif PSC, Ooi Peng Ee; Pengetua SMK Jalan Damai, Lee Cheah Kuen; Pengetua SMK Berapit, Lim Geaik Hong; Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Jalan Damai, Lisa Wong Seew Kee serta Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Berapit, Lim Poh Sew.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa makmal baru tersebut merupakan yang ketujuh dan kelapan diwujudkan di sekolah menengah negeri ini.

"Justeru, kami (Kerajaan Negeri) berharap agar lebih banyak syarikat korporat akan tampil dan menyumbang kepada penubuhan *MakerLab* di sekolah-sekolah pada masa akan datang," serunya.

Dalam pada itu, Yong Jin memberitahu bahawa Plexus merupakan syarikat yang didorong oleh teknologi berusaha menggalakkan dan memupuk minat pelajar dalam bidang teknologi serta kejuruteraan.

"Oleh itu, penubuhan *MakerLab* diyakini mampu meningkatkan minat para pelajar terhadap sains dan seterusnya menjadi platform kepada mereka untuk mempamerkan kreativiti masing-masing," ulas beliau.



**KETUA Menteri memerhatikan uji kaji yang dijalankan dua pelajar bersempena Majlis Perasmian Pembukaan MakerLab dekat SMK Jalan Damai di sini baru-baru ini.**

## Projek BIDS inisiatif ke arah negeri mesra pejalan kaki

**GEORGE TOWN –** Pejalan kaki dan pengayuh basikal di sekitar Komtar kini boleh menikmati persekitaran yang lebih mesra pejalan kaki dengan siapnya projek Skim Daerah Peningkatan Perniagaan (BIDS) dekat Jalan Gurdwara di sini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa di bawah inisiatif tersebut, pokok-pokok ditanam sepanjang 800 meter (m) di laluan pejalan kaki serta lorong basikal.

Tambahnya, projek tersebut yang bermula sejak 20 Februari tahun ini merupakan pemangkin kepada matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau yang mesra pejalan kaki.

"Menanam lebih banyak pokok di kawasan bandar mampu mengurangkan suhu di dalam bandar. Justeru, sebanyak 56 pokok ditanam di sepanjang laluan ini.

"Memandangkan BIDS dekat Jalan Gurdwara adalah projek perintis, maka pendekatan sama akan diperluaskan ke jalan-jalan lain untuk mentransformasikan bandar George Town menjadi kawasan yang lebih hijau," kata beliau pada sidang media sebelum menghadiri program penanaman pokok di depan pasa raya Gama pada 27 Ogos lalu.

Turut serta, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Dato' Ar. Yew Tung Seang serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Difahamkan, projek dekat Jalan Gurdwara berkaitan adalah bertujuan meluaskan ruang awam bagi menyeragamkan laluan pejalan kaki serta pengayuh basikal supaya boleh diakses dan disambungkan.

Projek tersebut juga dilihat dapat mengembalikan peranan kawasan sekitar Komtar sebagai destinasi membeli-belah baharu sambil menambah nilai kepada status bandar George Town.

Selain Jalan Gurdwara, projek itu juga turut akan merangkumi Jalan Maju, Lebuh Noordin, Lebuh Presgrave, Lebuh Tye Sin, Lebuh Macallum, Lebuh Katz, Lebuh Cecil dan Lebuh Herriot.

Mengulas lanjut, Jagdeep menjelaskan bahawa projek berkenaan adalah inisiatif dilaksanakan dengan kerjasama masyarakat setempat yang dirancang bersama pemilik-pemilik bangunan di sepanjang laluan-laluan terlibat.




**JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) dan Ar. Yew Tung Seang (bertali leher biru) menyiram salah sepohon pokok yang ditanam di bawah projek BIDS dekat sini baru-baru ini.**

## Penanaman pokok, PDC komited pastikan keseimbangan pembangunan

**BUKIT TAMBUN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap acara penanaman 281 batang pokok teduhan di sepanjang Jalan Cassia Barat 2 dan Persiaran Cassia Barat 3 sempena sambutan 50 tahun penubuhan agensi negeri Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bakal menambah lagi kehijauan negeri ini.

"Sejak tahun 2016 hingga kini, PDC telah membelanjakan antara RM1 juta hingga RM2.5 juta setahun bagi pembangunan landskap termasuk jenis (landskap) lembut di seluruh kawasan pembangunan PDC

"PDC yang senantiasa komited dalam memastikan keseimbangan pembangunan di negeri ini dapat dilaksanakan, seterusnya merealisasikan Visi Penang2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar dan hijau berteraskan keluarga inspirasi negara," jelasnya dalam acara perasmian Program Penanaman Pokok PDC di sini pada 26 Ogos 2019.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar turut sertai majlis tersebut.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa jumlah pokok teduhan yang telah ditanam di seluruh Bandar Cassia dan Taman Sains Pulau Pinang sejak tahun 2006 hingga 2019 adalah sebanyak 12,564 batang pokok.

Difahamkan, pokok teduh yang ditanam pada majlis berkaitan antaranya jenis Batai Laut (*Pelthoporum pterocarpum*), *Fox's Tail Palm* (*Woodytheia bifurca*) dan Penaga Lilin (*Messua ferrea*).

Kerja-kerja penanaman pokok teduh dimulakan pada 25 Jun lepas dan dijangka siap sepenuhnya pada 12 November ini.



**BEBERAPA jemputan sedang menyempurnakan Program Penanaman Pokok PDC di sini baru-baru ini.**

# Perbadanan Digital Pulau Pinang ke arah negeri pintar bertaraf antarabangsa

Gambar : **LAW SUUN TING**




**JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkaitan merakam gambar bersama-sama sejurus Majlis Pelancaran Projek Perintis Smart Bus Stop di sini baru-baru ini.**

**BATU UBAN -** Kerajaan Negeri bakal menubuhkan sebuah badan dikenali sebagai Perbadanan Digital Pulau Pinang atau *Digital Penang Corporation* (DPC) dalam tempoh terdekat bagi memacu pembangunan inisiatif digital dan pintar di negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa perincian mengenai peranan serta struktur perbadanan berkaitan bakal diumumkan kelak.

"Selaras dengan Visi Penang2030, segala inisiatif digital dan pintar akan diletakkan di bawah satu 'payung' kelak yang mana sekarang ini ia terbahagi mengikut portfolio.

"Di bawah perbadanan ini, segala usaha akan dikoordinasikan bagi memantapkan lagi pembangunan digital dan pintar di negeri ini," ucapnya pada Majlis Pelancaran Projek Perintis Smart Bus Stop di Jalan Sungai Dua dekat sini 5 September lalu.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan; Ahli Parlimen Kota Melaka, Khoo Poay Tiong; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali; Ketua Pegawai Wilayah Syarikat e.co Group (M) Sdn. Bhd. (e.co), Wan Zainal Adileen Wan Puteh serta beberapa perwakilan dari Melaka dan e.co (disebut edotco).

Menurut Jagdeep, penubuhan DPC adalah wajar memandangkan Pulau Pinang kini mengorak langkah ke arah negeri pintar.

"Pulau Pinang akan terus menjadi peneraju dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif pintar.

"Malah, pelancaran projek perintis ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri pintar bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2030," ujarnya.

Difahamkan, projek hentian bas pintar atau *smart bus stop* yang dibiayai oleh e.co di Jalan Sungai Dua berkaitan adalah yang pertama seumpama di bahagian pulau.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri memperkenalkan hentian bas pintar pertama negara di Lengkok Tenggiri, Seberang Jaya (bahagian Seberang Perai) pada 13 Mei 2019.

Mengulas mengenai inisiatif pintar berkaitan, Jagdeep memberitahu bahawa pihaknya telah mengarahkan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (MBPP dan Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP) untuk mengenal pasti hentian bas yang menjadi tumpuan bagi mentransformasikannya kepada hentian bas pintar.

"Terdapat 1,729 hentian bas di negeri ini dan pihak berkuasa tempatan telah diarahkan mengenal pasti hentian bas strategik untuk dibangunkan sebagai *smart bus stop*," ulasnya.

Dilengkapi dengan pelbagai elemen keselamatan dan kemudahan seperti kamera litar tertutup (CCTV) dengan ciri-ciri analitis dan '*panic button*' (butang kecemasan) yang disambungkan terus kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memantau pengguna perkhidmatan awam, hentian bas pintar ini juga menerapkan ciri-ciri hijau dengan menggunakan panel solar.

Selain itu, ia turut mempunyai papan iklan digital, pengecas telefon bimbit, papan pemakluman waktu ketibaan bas melalui '*Bus Integrated System*' atau BIS milik Rapid Penang dan WiFi.

## Komited kekalkan harga rumah mampu milik

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TANJUNG BUNGA -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus mengekalkan harga siling bagi rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik pada harga sehingga RM300,000 di bahagian pulau dan RM250,000 di Seberang Perai.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, meskipun di kebanyakan negeri mula menaikkan harga siling bagi projek perumahan mampu milik, Pulau Pinang mengambil pendirian untuk mengekalkan had harga.

"Di Pulau Pinang, rumah kos rendah ditawarkan pada harga RM42,000 tetapi di negeri lain telah naik sehingga RM60,000, begitu juga bagi jenis perumahan lain.

"Tetapi kita (Pulau Pinang) mahu kekalkan, malah ada yang diturunkan (harga) dan jadikan rumah mampu milik lebih mampu dimiliki," katanya sejurus mengadakan tinjauan di tapak pembinaan Pangsapuri Warisan Tanjung dekat sini 6 September lalu.

Turut sama, Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi; Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Dasar & Pembangunan), Fakhurrazi Ibnu Omar; Ketua Pegawai Operasi Uda Holdings Berhad, Zainudin Deni selaku pemaju serta beberapa wakil-wakil lain.

Mengulas lanjut, Jagdeep turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah meletakkan sasaran untuk menyediakan 180,000 unit rumah mampu milik untuk rakyat menjelang tahun 2030.

"Sasaran ini adalah selaras dengan hasrat kita (Kerajaan Negeri) untuk memberi keutamaan dalam perbekalan rumah mampu milik di negeri ini.

"(Dan) sehingga kini (6 September), sejumlah 102,335 unit rumah telah dibina, sedang dibina dan mendapat kelulusan untuk dibina," ujarnya.

Terdahulu, Jagdeep meninjau tapak pembinaan Pangsapuri Warisan Tanjung bagi penempatan semula penduduk di Kampung Tanjung Tokong.

Difahamkan, projek tersebut mempunyai dua fasa yang akan menyediakan 1,200 unit rumah berkeluasan antara 800 kaki persegi (k.p) sehingga 850 k.p serta dijangka siap hujung tahun ini.

Menjawab pertanyaan wartawan, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri menyediakan rumah kos rendah pada harga yang telah ditetapkan iaitu RM42,000 dan bagi kos sederhana rendah, RM72,500.

"Sekiranya pembeli membayar harga yang lebih mahal disebabkan pakej tambahan ditawarkan oleh pihak pemaju seperti pemasangan jubin, tempat letak kereta tambahan dan kelengkapan lain, Kerajaan Negeri tiada halangan kerana ia persetujuan antara pembeli dan pemaju.

"(Dan) pihak pemaju tidak boleh memaksa pembeli untuk mengambil pakej tambahan yang ditawarkan, sekiranya ia terjadi, (pembeli) boleh membuat aduan kepada Bahagian Perumahan dan pihak pemaju perlu menjelaskan tindakan mereka," tegasnya.

Jagdeep memberi respons terhadap kenyataan pemangku Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader yang mendakwa pembeli rumah kos rendah dan sederhana rendah dieksploitasi oleh pihak pemaju sehingga mereka perlu membayar antara RM120,000 sehingga RM180,000 bagi pakej tambahan yang ditawarkan baru-baru ini.

# *Ola Bola The Musical* suntik semangat patriotik, perpaduan rakyat berbilang kaum

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** - Pementasan *Ola Bola The Musical Merdeka Tour* yang berlangsung pada 31 Ogos lalu mendapat sambutan hangat luar jangkaan daripada rakyat pelbagai peringkat umur, kaum serta bangsa negeri ini.

Selepas dua musim dipentaskan di Istana Budaya, teater *Ola Bola The Musical* memulakan jelajahnya ke negeri pertama iaitu Pulau Pinang sebelum diikuti tiga negeri lain iaitu Sarawak, Sabah dan Pahang sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-62.

Pementasan tersebut mengisahkan cabaran yang dihadapi oleh pasukan bola sepak negara 'Harimau Malaya' untuk melayakkan diri ke Sukan Olimpik 1980 di Moscow.

Jelajah dan pementasan tersebut dijayakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan beberapa penaja lain.

Hadir menyerikan pementasan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin yang disambut Chief Dream Maker Enfiniti (M) Sdn. Bhd. (syarikat penerbitan teater berkaitan), Tiara Jacquelina bersama-sama suaminya.

Pementasan percuma dalam versi '*showcase*' selama satu setengah jam tersebut memberi peluang kepada lebih daripada 1,000 penonton merasai suntikan patriotik serta kehebatan teater muzikal yang pernah mendapat sambutan hangat, sebelum ini.

Malah, dua lagenda bola sepak negara kelahiran Pulau Pinang iaitu Datuk Syukor Salleh dan Datuk Namat Abdullah turut didatangkan khas sempena pementasan tersebut.

*Ola Bola The Musical* diarah dan diterbitkan oleh Tiara dan antaranya dibintangi Brian Chan sebagai Tauke Chan Kok Keong, Luqman Hafidz (Ali) dan Hafeez Mikail (Eric Yong).




**KETUA Menteri dan Yeoh Soon Hin bergambar kenangan bersama-sama Tiara Jacquelina, Syukor Salleh, Namat Salleh, wakil-wakil berkaitan serta barisan pelakon pementasan *Ola Bola The Musical Merdeka Tour* di sini baru-baru ini.**




## Fasiliti digital Zon Perdagangan Bebas bakal dibangunkan

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan menubuhkan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) bagi menyokong fasiliti perdagangan sedia ada di negeri ini.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa pihaknya akan saling bekerjasama dengan *Fusionex* iaitu firma data teknologi yang telah memenangi pelbagai anugerah, untuk meneraju inisiatif DFTZ berkenaan.

Menurut Abdul Halim, *Fusionex* adalah firma pakar dalam analisis, data raya, kecerdasan buatan (AI) dan fasilitasi perdagangan.

"Negeri dan *Fusionex* bakal menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam tempoh terdekat ini.

"Projek yang telah dirancang untuk beberapa ketika sekarang ini akan menjadi salah satu projek utama (*Penang2030* iaitu) wawasan Pulau Pinang.

"Platform DFTZ Pulau Pinang akan menyediakan pentas perdagangan yang lebih mudah, berpotensi serta mampu mengubah lagi corak perdagangan global dengan membuang halangan tidak perlu, ketidakcekapan serta (kos) pembaziran.

"Ia juga akan saling hubung secara serentak pelbagai peneraju antara satu sama lain; dari pasar ke pelabuhan laut, lapangan terbang, kapal pengangkut barang, agensi kerajaan, Kastam Diraja Malaysia, penyedia logistik, gudang, trak, insurans kargo, bank, pedagang perniagaan dan agensi-agensi berkaitan.

"Ia akan membolehkan komunikasi data yang lebih cepat antara pelbagai pihak dan membantu pertukaran data berstruktur serta tidak berstruktur dengan lebih cepat juga tepat," katanya pada sidang akhbar di



**ABDUL Halim Hussain.**

sini 20 Ogos lalu.

Abdul Halim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung memberitahu bahawa platform itu akan memanfaatkan internet untuk semua (IoT) atau sensor data bagi mengesan pergerakan barangan dan meningkatkan operasi.

"Analisis Big Data akan digunakan untuk memberikan pandangan berharga mengenai import, eksport, pemindahan, penanda aras global, sohor kini, ramalan serta tuntutan pengguna global.

"Inisiatif ini akan menyelaraskan rantaian perdagangan domestik dan antarabangsa, secara mendadak serta memendekkan waktu yang diperlukan untuk keseluruhan proses pemudahan perdagangan Pulau Pinang.

"Ini akhirnya akan merealisasikan potensi Pulau Pinang menjadi hab dan sekaligus memudahkan perdagangan pintar serta logistik pintar," ujarnya.

# Perkasakan pemasaran melalui platform e-dagang, manfaatkan SPH

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**




ABDUL Halim Hussain (berkemeja putih) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penerima SPH sejurus majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.

**EXCO** Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain menyeru para usahawan di negeri ini supaya memperkasakan pemasaran melalui platform e-dagang.

Jelasnya, pemasaran e-dagang dilihat lebih berkesan dan efektif dalam memenuhi kehendak pelanggan terutamanya dalam kalangan generasi muda.

"Ada usahawan dan peniaga yang sudah berniaga selama 15 tahun datang mengadu bahawa mereka kini semakin kekurangan pelanggan.

"Apabila kita ambil maklum hal ini… kita dapati pelanggan kini lebih bergerak kepada model pembelian dalam talian ataupun aplikasi-aplikasi pintar.

"Bagi generasi berumur 35 tahun ke bawah, mereka lebih gemar mengikut trend semasa iaitu melakukan transaksi melalui talian menggunakan telefon pintar," kongsi beliau pada Majlis Penyerahan Skim Pinjaman Harapan (SPH) di Dewan Balora Mastika, Balik Pulau di sini 22 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim; Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya (DBD), Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan Penghulu bagi kawasan Balik Pulau, Mohd. Farouk Varusai Mohd.

Mengulas lanjut, Abdul Halim turut menyarankan para usahawan dan penjaja kecil menerokai pembuatan makanan yang lebih moden dalam memenuhi cita rasa golongan sasar.

"Orang muda kadang-kadang kuih tradisional pun dah jarang makan, jadi saya beritahu mereka supaya belajar benda baharu seperti kursus membuat pastri dan sebagainya," katanya yang juga ADUN Batu Maung.

Pada majlis tersebut, beliau menyampaikan cek replika kepada 12 usahawan sekitar DBD berjumlah RM99,000.

Serentak itu, Abdul Halim dan rombongannya turut melawat tiga peniaga yang berjaya mengembangkan perniagaan masing-masing menerusi SPH.

Pengusaha spa dan Salon Kecantikan Bidadari Walid, **ROSHIDAH ABDUL AZIZ** semasa ditemui Buletin Mutiara memberitahu bahawa beliau menggunakan pinjaman SPH bagi membuat pusingan modal untuk membeli beberapa kelengkapan baharu.

"Alhamdulillah, SPH banyak membantu saya daripada segi menambah lebih banyak keperluan yang diperlukan seperti katil dan *steamer*.

"Tambahan pula, pinjaman kali pertama ini tidak dikenakan sebarang bunga, jadi ia amat membantu khususnya bagi usahawan-usahawan baru," jelasnya yang pernah mengusahakan perniagaan makanan sebelum ini.

Turut ditemui adalah pemilik premis kedai buku dan alat tulis di Taman Seri Sayang milik **ROSIAH SHAARI**, 57.

"SPH membantu saya menambah modal untuk membeli lebih banyak buku dan barangan keperluan lain.

"Pada mulanya, saya mahu membuka kedai menjual CD (cakera padat), tetapi lepas difikirkan suami saya seorang yang suka membaca, jadi kami tukar buka kedai buku.

"Bila dah buka kedai buku, nak baca buku pun tak sempat," seloroh beliau yang telah memulakan perniagaan sejak 20 tahun lalu.

Usahawan makanan di Kuala Sungai Pinang, **RAMLAH AHMAD**, 43, telah empat kali memperoleh manfaat daripada SPH.

"Saya sudah ambil pinjaman ini buat kali keempat dan biasanya akan digunakan untuk buat pusingan modal, naik taraf perniagaan atau tukar serta baiki peralatan-peralatan yang rosak, baru senang nak berniaga," ujarnya yang memulakan perniagaan sejak tahun 2007.

Selain menjalankan perniagaan roti canai, Ramlah turut menjual mi rebus yang mendapat permintaan tinggi di kawasan sekitar.




ROSHIDAH Abdul Aziz (dua dari kanan) bersama-sama ahli keluarganya.



ROSIAH Shaari (kiri sekali) bergambar bersama-sama keluarganya dengan berlatarbelakangkan premis beliau.



SEBAHAGIAN sudut spa dan Salon Kecantikan Bidadari Walid.



RAMLAH Ahmad (kiri sekali) di premisnya.

# Pupuk semangat kesukarelawan, jom sertai '*Penang Volunteer*'

Gambar : **PEKA**

**BAYAN LEPAS -** Seramai 62 sukarelawan menyertai projek '*Keep Penang Clean*' pada 24 Ogos lalu bagi membersihkan kawasan Pantai Teluk Bayu dekat sini.

Pengarah Penggerak Komuniti Muda (PEKA) Pulau Pinang, Joshua Woo Sze Zeng berkata, program secara gotong-royong yang julung kali diadakan itu merupakan projek di bawah inisiatif baharu iaitu '*Penang Volunteer*'.

"Inisiatif '*Penang Volunteer*' dilahirkan melalui visi PEKA yang ingin memupuk semangat kesukarelawan dan cintakan tanah air dalam kalangan penduduk di Pulau Pinang.

"Ia juga menyediakan platform kepada mana-mana individu yang berminat untuk menyumbang bakti, menggembleng tenaga serta buah fikiran dalam kerja-kerja kemasyarakatan di negeri ini.

"(Dan) projek '*Keep Penang Clean*' merupakan pendekatan pertama di bawah inisiatif berkaitan dengan bermatlamat untuk membersihkan kawasan-kawasan awam di negeri ini secara bulanan," katanya melalui siaran media bertarikh 25 Ogos 2019.

Turut sama menjayakan penganjuran berkaitan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Saiful Azwan Abd. Malik dan Kafe Black Kettle yang menyediakan sarapan pagi kepada para sukarelawan.

Difahamkan, sebanyak 719.6 kilogram (kg) sampah-sarap berjaya dipungut yang mana 236.6kg daripadanya adalah sisa plastik, sisa kertas (22kg), kaca (7kg) dan selebihnya campuran pelbagai jenis sisa.

Bagi yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif '*Penang Volunteer*' atau berminat untuk menyertainya, sila hubungi Pengarah Program, Muhammad Zikri Zulkifli melalui *WhatsApp* 013 - 500 0433 atau talian 04 - 226 5187 (sambungan 232) atau melalui emel, *penangvolunteer@gmail.com*.



**PARA sukarelawan mengumpul sampah-sarap yang dikutip sepanjang penganjuran berkaitan.**




**AHLI jawatankuasa penganjur, para sukarelawan dan barisan peserta bergambar kenangan sejurus penganjuran projek '*Keep Penang Clean*' di Pantai Teluk Bayu dekat sini baru-baru ini.**





**Rumah Berkembar Dua Tingkat**
**HARUNA (24 unit)** Keluasan Lantai : dari 3197kp Keluasan Binaan : 3678kp

**Rumah Berkembar Dua Tingkat**
**AINA B (42 unit)** Keluasan Lantai : dari 3197kp Keluasan Binaan : 3970kp

**Rumah Teres Dua Tingkat**
**MIDORI (18 unit)** Keluasan Lantai : dari 2799kp Keluasan Binaan : 3321kp

**Rumah Teres Dua Tingkat**
**CHLORIS (4 unit)** Keluasan Lantai : dari 5361kp Keluasan Binaan : 3529kp

**Rumah Sesebuah Dua Tingkat**
**AVERY (2 unit)** Keluasan Lantai : 5652/5802kp Keluasan Binaan : 4540kp

Pemaju :
(94528T)
**ASAS DUNIA BERHAD**
Tuan Tanah : Mastiara Construction Sdn Bhd (52475W)

Sila Hubungi :
**04-5881999 / 04-2559999 / 012-4881999 / 011-10901090**

**Penang office :** Wisma Asas, No.228 Lebuh Chulia, 10200 Penang.
**Fax :** 04-2559888 **Website :** www.asasdunia.com / www.hijauanvaldor.com **Email :** enquiries@asasdunia.com
**Bukit Mertajam office :** 1931 Jalan Rozhan, Taman Impian Alma, 14000 Bukit Mertajam **Fax :** 04-5881380




**Rumah Berkembar & Sesebuah Dua Tingkat**
• **No. Lesen Pemaju Perumahan:** 2687-55/03-2020/0254 (L) • **Tempoh sah:** 13.3.18 - 12.3.20 • **No Permit Iklan & Jualan:** 2687-55/03-2020/0254 (P) • **Tempoh sah:** 13.3.18 - 12.3.20 • **No Rujukan Pelan.:** MPSP/40/20-75/68 • **Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan:** Majlis Perbandaran Seberang Perai • **Tarikh dijangka siap:** December 2020 • **Rumah Berkembar harga:** RM 900,000 - RM1,168,500 (66 unit) • **Rumah Sesebuah harga:** RM1,350,000-1,366,500 (2 unit)

**Rumah Teres Dua Tingkat**
• **No Lesen Pemaju Perumahan:** 2687-56/04-2020/0371 (L) • **Tempoh sah:** 13.4.18-12.4.20 • **No Permit Iklan dan Jualan.:** 2687-56/04-2020/0371 (P) • **Tempoh sah:** 13.4.18 -12.4.20 • **No Rujukan Pelan.:** MPSP/40/20-75/67 • **Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan:** Majlis Perbandaran Seberang Perai • **Tarikh dijangka siap:** December 2020 • **Harga:** RM 730,000 - RM1,182,300 (22 unit)

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

# Wang Pendahuluan Pinjaman, ringan beban ibu bapa


STEVEN Sim Chee Keong (dua dari kiri) menyampaikan WPP kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyerahan WPP Peringkat Parlimen Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

**PADANG LALANG –** Seramai 145 anak jati Pulau Pinang dari Parlimen Bukit Mertajam menerima Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi sesi kemasukan September 2019.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong berharap agar pemberian wang pendahuluan tersebut sedikit-sebanyak dapat membantu meringankan beban ibu bapa pelajar.

“Bagi Parlimen Bukit Mertajam, PTPTN telah menawarkan WPP kepada 145 pelajar melibatkan peruntukan sebanyak RM217,500.

“Setiap pelajar yang layak menerima RM1,500 untuk menampung sebahagian perbelanjaan bagi persiapan masuk ke universiti.

“Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri menyediakan Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institusi Pengajian Tinggi (iBITA) bagi warga negeri yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM8,000 sebulan.

“Bantuan (iBiTA) diberikan adalah berjumlah RM1,000 bagi pelajar terpilih yang berjaya melanjutkan pelajaran di universiti bagi Semenanjung Malaysia, manakala RM1,200 (Sabah dan Sarawak),” ucapnya pada Majlis Penyerahan WPP Peringkat Parlimen Bukit Mertajam dekat Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Beng Teik (Pusat) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon; wakil ADUN Padang Lalang, Jothi Jhen Hao; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai, Benard Cheen Goon Hooi dan Pengurus Besar PTPTN Pusat, Noor Hasran Mohd. Noor.

Turut serta, wakil Lembaga Pengelola SJKC Beng Teik, Datuk Ooi Eng Hock; Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Tan Beng Teik dan Guru Besar SJKC Beng Teik, Tan Lee Eng.

Tambah Chee Keong, permohonan bagi program disediakan Kerajaan Negeri


NUR Alia Natasha Fozi.


FATEN Nurfahira Azizan.

boleh dikemukakan secara *online* atau hadir sendiri ke pejabat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) serta pejabat ahli parlimen (MP) masing-masing.

Dalam pada itu, wartawan Buletin Mutiara, **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN** dan jurugambar, **NUR AMIRAH HUSNA ROSLAN** turut berkesempatan menemu bual beberapa penerima untuk melihat sejauh mana WPP membantu mereka dalam membuat persediaan sebelum melangkah ke universiti.

Bagi **NUR ALIA NATASHA FOZI**, 19, beliau menzahirkan ucapan terima kasih kepada PTPTN atas pemberian wang


YEOH Yi Rou.

pendahuluan pembiayaan tersebut.

“Saya berasa sangat bersyukur kerana wang tersebut dapat membantu saya membeli barang keperluan sebagai persediaan untuk mendaftar di universiti nanti.

“WPP sememangnya dapat meringankan beban ibu bapa saya,” katanya yang bakal melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang perakaunan.

Seorang pelajar yang bakal melanjutkan pelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), **FATEN NURFAHIRA AZIZAN**, 19, berasa gembira kerana terpilih sebagai penerima WPP.

“Saya berasa amat gembira menerima ‘bantuan’ ini kerana banyak perbelanjaan perlu dikeluarkan sebelum mendaftar masuk ke universiti nanti.

“Sebelum ini, ibu bapa saya menggunakan wang mereka untuk membayar yuran semester pertama supaya saya dapat melanjutkan pelajaran.

“Justeru, menerusi pemberian WPP, ia amatlah bermakna bagi saya kerana dapat menampung sedikit-sebanyak wang perbelanjaan untuk masa hadapan,” katanya yang mengambil jurusan psikologi di universiti berkenaan.

Manakala, **YEOH YI ROU**, 20, menyatakan bahawa bantuan yang diterima itu dapat meringankan bebanan keluarganya.

“Saya sangat gembira menerima wang pendahuluan ini kerana dapat membeli barangan keperluan seperti buku, pakaian dan sebagainya,” katanya yang mengambil jurusan Teknologi Makanan di USM.

## Produk inovasi pendidikan pupuk minat pelajar ke arah Revolusi Industri 4.0

**GEORGE TOWN –** Empat produk inovasi pendidikan di Pulau Pinang melalui penubuhan Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL), *Tech Dome Penang* (TDP), *MakerLab* dan Kafe Sains Pulau Pinang dapat memupuk minat pelajar ke arah Revolusi Industri 4.0.

Perkara itu dinyatakan oleh Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Persidangan Penyelidikan & Inovasi Pendidikan Kebangsaan dan Pesta Buku Institut Pendidikan Guru (IPG) di IPG Kampus Pulau Pinang dekat sini.

“Kerajaan Negeri mementingkan pendidikan dan ia terbukti melalui beberapa pendekatan yang diambil.

“Sebagai contoh, PDL yang beroperasi 24 jam manakala waktu operasi bagi PDL Fasa 2 adalah dari 8 pagi hingga 10 malam mendapat sambutan yang baik daripada kalangan pelajar selari dengan


WONG Hon Wai.

perkembangan teknologi terkini.

“Kerajaan Negeri juga memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan di seluruh Pulau Pinang.

“Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) juga penting dalam melahirkan para penyelidik dan pakar inovasi yang sentiasa peka kepada perubahan dunia dan keperluan negara,” katanya pada majlis berkaitan pada 29 Ogos lalu.

Hadir sama, Ketua Penolong Pengarah Jabatan dan Penyelidikan Inovasi IPGM Dr. Rusminah Musliman dan Timbalan Pengarah IPG Kampus Pulau Pinang, Abdul Latib Abdul Rahman.

Mengulas lanjut, Hon Wai memaklumkan bahawa penubuhan *MakerLab*, *Tech Dome Penang* (TDP) dan Kafe Sains Pulau Pinang merupakan salah satu usaha untuk memupuk serta mendidik lebih banyak pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan pelajar bagi pendidikan sains serta matematik.

“Justeru, TDP sebenarnya memberi pendedahan kepada pelajar untuk mendekati sains dan teknologi.

“Di kesempatan ini juga, saya mempelawa para guru di Malaysia untuk berkunjung ke PDL dan meneroka sendiri hasil usaha Kerajaan Negeri mentransformasikan sebuah bangunan lama kepada pusat yang bermanfaat kepada masyarakat,” ujarnya.

Dalam pada itu, Abdul Latib menyatakan bahawa penganjuran program julung kali itu adalah hasil gabungan program Persidangan Penyelidikan & Inovasi Pendidikan Kebangsaan serta Pesta Buku dan berjaya memperoleh sambutan daripada kira-kira 2,000 pengunjung selama tempoh tiga hari berturut-turut.

“Tema penganjuran iaitu ‘Pembacaan & Penyelidikan Pemangkin Inovasi Pendidikan’ adalah sejajar dengan Revolusi Industri 4.0 yang penuh dengan ledakan inovasi digital yang mempengaruhi kehidupan seharian,” jelasnya.

# Lupakan isu perkauman, fokus pembangunan ekonomi negara

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BUKIT TENGAH -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengingatkan masyarakat di negara ini agar tidak menjerumuskan diri dalam isu-isu perkauman dan agama yang dikhuatiri mampu menggugat kestabilan negara.

Beliau berkata, sudah tiba masanya untuk masyarakat menumpukan seluruh perhatian terhadap pemulihan ekonomi negara supaya manfaat daripada hasil pembangunan tersebut dapat dinikmati oleh semua.

"Walaupun Malaysia sudah merdeka selama 62 tahun, tapi dari semasa ke semasa rakyat kita terjerumus dalam isu-isu di antara kaum dan agama yang mungkin akan menggugat kestabilan serta perhubungan kaum di negara ini.

"Justeru, saya rasa sudah tiba masanya untuk kita melepaskan pandangan demikian dan bekerjasama untuk memastikan negara Malaysia terus maju," ucapnya pada Majlis Perasmian Karnival Lampu anjuran Majlis Pengurusan Kominiti Kampung (MPKK) Perkampungan Juru di sini 6 September lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Anuar Yusoff serta Pengerusi-Pengerusi MPKK dalam kawasan Parlimen Batu Kawan.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menyambut baik hasrat pihak MPKK untuk membina pintu gerbang di hadapan Perkampungan Juru dan menyifatkan cadangan tersebut sebagai sesuatu yang baik untuk dilaksanakan.

"Jadi, saya cadangkan supaya kita buat satu pungutan suara dalam kalangan penduduk dan sekiranya mendapat sokongan padu, maka kita perlu fikir dari mana datangnya peruntukan.

"Saya percaya pihak Kerajaan Negeri dapat membantu sedikit-sebanyak, manakala Ahli Parlimen dan ADUN juga boleh menggunakan peruntukan Persekutuan selain sumbangan daripada penduduk setempat," ujarnya.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para pengunjung merakam gambar kenangan pada Majlis Perasmian Karnival Lampu anjuran MPKK Perkampungan Juru di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, Karnival Lampu Perkampungan Juru dianjurkan bermula 31 Ogos lalu dan berakhir pada 16 September 2019 bersempena sambutan Pesta Tanglung tahun ini.

Sebanyak 10,000 unit lampu LED (*Light Emitting Diode*) disusun berbentuk bunga ros dan terowong sepanjang 50 meter serta lebih 50,000 lampu LED disusun mengikut pelbagai bentuk.

Selain pelbagai reka bentuk lampu yang menarik, karnival berkenaan juga turut dimeriahkan dengan beberapa persembahan menghiburkan seperti tarian, nyanyian serta pertunjukan silap mata.

# *Penang Hill Heritage Forest Challenge* promosi Bukit Bendera

Gambar : **PHC**

**AIR ITAM –** Penyertaan kira-kira 1,000 peserta dalam acara mendaki '*Penang Hill Heritage Forest Challenge 2019*' secara tidak langsung membantu mempromosikan Bukit Bendera sebagai destinasi ekopelancongan negeri ini.

Perkara tersebut dinyatakan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai ketika berucap pada majlis penutupan dan penyampaian hadiah acara tersebut baru-baru ini.

"Ia dipromosikan bukan sahaja melalui peserta dari dalam negara, bahkan saya difahamkan ia turut disertai mereka dari 12 negara lain.

"Melalui penganjuran program ini juga, saya berharap ianya dapat meningkatkan kesedaran orang ramai akan peri pentingnya menjaga alam sekitar dan warisan di Bukit Bendera.



**SOON Lip Chee (dua dari kiri), Cheok Lay Leng (tiga dari kiri) dan Hong Kian Beng (kiri sekali) menyempurnakan acara pelepasan peserta program *Penang Hill Heritage Forest Challenge 2019* di sini baru-baru ini.**

"Saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC) atas penganjuran program kali keenam ini sebagai acara tahunan," ujarnya pada penganjuran berkaitan di sini.

Hadir sama, Pengurus Besar PHC, Dato' Cheok Lay Leng.

Tambah Hon Wai, program tersebut bukan sahaja menguji ketahanan fizikal para peserta, malah mereka juga dapat menikmati serta mendekatkan diri dengan kekayaan hutan dan alam sekitar yang hijau.

Penganjuran program berkenaan merupakan kerjasama antara syarikat *Actifestyle Concept*, Persatuan Penduduk Bukit Bendera dan *Penang Amateur Athletics Association*.

Sebelum itu, Lay Leng bersama-sama Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Pembantu Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Hong Kian Beng menyempurnakan pelepasan peserta pada sebelah pagi.

# Iktiraf modal insan sebagai pemangkin potensi kejayaan negeri

**PANTAI JEREJAK –** *Penang Future Foundation* (PFF) diwujudkan bukan sahaja untuk memberi peluang kepada penerima biasiswa bahkan melahirkan pemimpin masa hadapan Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata, dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab modal insan, Kerajaan Negeri perlu mengiktiraf, memupuk dan membantu dalam mengeluarkan potensi sebenar para pelajar cemerlang.

"Untuk itu, Kerajaan Negeri berharap pemain-pemain industri sudi tampil dan bermurah hati menyumbang dalam usaha menjadikan PFF sebagai satu program biasiswa mampan untuk pelajar yang berkelayakan.

"Bagi menjayakannya, program amal turut dirancang bagi meraih sumbangan daripada individu atau organisasi serta syarikat supaya lebih ramai pelajar memperoleh manfaat daripada program berkaitan," ucapnya pada Majlis Makan Tengah Hari Meraikan Para Penerima PFF di sini 24 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan PFF iaitu Dato' Seri Nazir Ariff Munshir Ariff, Dato' Loo Lee Lian, Profesor Emeritus Datuk Dr. Lim Koon Ong, Dr. Lim Kim-Hwa dan Datuk Danny Goon.

Bercakap kepada pemberita, Lee Lian yang juga Ketua Pegawai Eksekutif investPenang memaklumkan bahawa program biasiswa PFF yang dimulakan sejak 2015 telah memperuntukkan RM23 juta kepada 408 penerima daripada peruntukan RM40 juta secara keseluruhan.

"Bagi tahun 2019, seramai 25 pelajar menerima Biasiswa Mutiara, manakala Biasiswa Penang (87)," jelasnya.

Majlis makan tengah hari tersebut turut meraikan 61 penerima PFF yang telah menamatkan pengajian. Serentak itu, para penerima turut membuat pembentangan berbentuk video bertemakan Visi Penang2030 serta berkongsi pengalaman masing-masing berkaitan PFF.

# Selami kemerdekaan, pupuk semangat perpaduan



KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama Azrul Mahathir Aziz sejurus acara pelepasan peserta Larian Merdeka Bayan Lepas 2019 di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS** - Nilai kemerdekaan yang diraikan bukan sahaja merdeka daripada dijajah, namun yang paling penting, keupayaan kita semua untuk hidup bersatu-padu dalam suasana harmoni di negara tercinta ini.

Perkara tersebut diucapkan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow sebelum melepaskan 300 peserta Larian Merdeka Bayan Lepas 2019 di Jalan Rajawali dekat sini 30 Ogos lalu.

"Sebagai rakyat, marilah kita ambil semangat kemerdekaan ini untuk memupuk semangat perpaduan dan menolak segala unsur-unsur yang mahukan rakyat Malaysia berpecah-belah.

"Kita perlu berusaha untuk memastikan kemerdekaan yang telah dicapai selama ini dapat dipertahankan dan diisi dengan sebaik mungkin termasuk mengukuhkan hubungan baik antara kaum.

"Ini kerana, keharmonian, perpaduan serta toleransi yang dipupuk dapat menjamin keamanan dan kedamaian dalam negara," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Hadir sama, ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superitendan A. Anbalagan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat selaku penganjur.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.

Tambah Kon Yeow, sempena kemerdekaan yang disambut untuk kali ke-62 berkaitan, Kerajaan Pakatan Harapan mengangkat tema "Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih".

"Tema ini menitik berat hasrat kerajaan untuk memupuk semangat cintakan negara dan mengeratkan lagi jalinan perpaduan serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan rakyat yang mempunyai jati diri dan berintegriti," jelas Ahli Parlimen Tanjong itu.

Dalam acara larian tersebut, para peserta berlari santai sekitar Bayan Lepas sejauh tiga kilometer. Antara tarikan lain termasuk hadiah cabutan bertuah berupa barangan elektrik dan basikal.

# Naik taraf mesin pengangkat sampah dan pam, harap kurang risiko banjir

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERAI** – Kerja-kerja penarafan mesin pengangkat sampah dan pam di Rumah Pam Perai A dan B masing-masing menelan belanja Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang kira-kira RM3,080,600 dan RM3,680,000.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berharap projek tersebut dapat mengurangkan lagi risiko banjir di kawasan Perindustrian Perai," jelasnya selepas meninjau tahap efisien kedua-dua rumah pam tersebut pada 3 September 2019.

"Sebelum ini, mesin pengangkat sampah di Rumah Pam Perai A dan Rumah Pam Perai B dalam keadaan uzur dan tidak mampu untuk beroperasi secara efisien ketika hujan lebat dan air laut pasang tinggi, oleh itu, mesin pengangkat sampah baru telah diganti.

"Jumlah keseluruhan kapasiti pam juga telah ditambah dari 42,436 liter sesaat kepada 48,036 liter sesaat bagi meningkatkan kemampuan kawalan banjir di kawasan Perindustrian Perai," jelasnya selepas meninjau tahap efisien kedua-dua rumah pam tersebut pada 3 September 2019.

Turut serta, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud, Setiausaha Bandarayanya, Ir. Rosnani Mahmud serta beberapa Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Jagdeep bagaimanapun memberitahu bahawa kerja-kerja penarafan di kedua-dua rumah pam tersebut hanya boleh mengurangkan risiko banjir di muara Sungai Perai sahaja.

Justeru, tambahnya, MBSP telah memohon RM50 juta peruntukan Persekutuan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pusat untuk kerja-kerja mengurangkan risiko banjir di hulu Sungai Perai, yang melibatkan kawasan Perindustrian Perai I dan 2.

"Saya difahamkan bahawa untuk menangani masalah banjir kilat di kawasan hulu sungai, MBSP telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

"Saya difahamkan permohonan (RM50 juta) itu telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang akan datang," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Rozali menyatakan bahawa MBSP saban tahun membelanjakan hampir RM1.5 juta untuk mengurus serta mengawal banjir di kawasan Perindustrian Perai meliputi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit (RM723,325); bayaran bil utiliti rumah pam (RM720,000) dan penyelenggaraan pam (70,000).



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) dan Sr. Rozali Mohamud (empat dari kiri) diberi penerangan pada lawatan khas ke Rumah Pam Perai A dan B di sini baru-baru ini.

"MBSP dan Kerajaan Negeri senantiasa merancang supaya kawasan Perindustrian Perai diberi perhatian yang khusus kerana ia merupakan suatu lokasi industri yang terawal di Malaysia dan menjana peluang pekerjaan untuk penduduk setempat.

"Kita (MBSP) telah membersihkan parit monsun dan perangkap sampah, tapi apa yang berlaku adalah banjir juga berpunca daripada sikap penduduk.

"Apabila hujan, sampah yang ada di atas jalan di kawasan kompaun kilang-kilang di bawa masuk ke dalam longkang, menyekat aliran air yang sepatutnya boleh bergerak lancar, lalu menyumbang kepada berlakunya banjir kilat," ulasnya.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:
**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# CEMACS, kekayaan tersembunyi yang wajib diterokai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & YAP LEE YING**




BERGAMBAR kenang-kenangan di ruang pintu masuk CEMACS.

**MUNGKIN** masih ramai yang belum mengetahui bahawa di Pulau Pinang terdapat kawasan yang menempatkan kepelbagaian khazanah alam semula jadi terutamanya berkaitan hidupan marin.

Bagi mereka yang meminati sains atau pencinta alam, Pusat Kajian Samudera & Pantai (CEMACS), Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan lokasi wajib untuk diterokai.

Terletak di sebelah pantai barat laut Pulau Pinang dekat Teluk Aling, CEMACS pastinya menjanjikan pengalaman yang tersendiri buat para pengunjung.

Ditubuhkan pada tahun 1978 dan merupakan stesen penyelidikan marin tertua di negara ini, ia kemudiannya dinaik taraf kepada pusat kecemerlangan yang dikenali sebagai CEMACS pada tahun 1995.

Walaupun masih kurang dikenali, tetapi CEMACS sebenarnya telah berjaya menarik kehadiran ramai saintis asing dan tempatan bagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Baru-baru ini, penulis bersama rakan-rakan dari Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri diketuai Pengarah Komunikasi, Yap Lee Ying berpeluang mengadakan lawatan berpandu ke CEMACS dan ia merupakan kunjungan pertama bagi sebahagian besar daripada kami.

Kami berkumpul di jeti Teluk Bahang seawal jam 9 pagi dan perlu mendaftarkan diri di kaunter pendaftaran disediakan sebelum memulakan perjalanan selama kira-kira 45 minit merentasi alam semula jadi untuk sampai ke CEMACS.

Selain menghirup udara segar dan menikmati pemandangan pantai berpasir yang indah, pelbagai spesies tumbuhan hijau ternyata memberikan kenyamanan kepada kami sepanjang perjalanan.

Selain berjalan kaki, pengunjung juga boleh memilih untuk menaiki bot dari jeti Teluk Bahang yang mengambil masa kira-kira lima minit untuk sampai ke CEMACS.

Ketibaan kami disambut mesra oleh kakitangan bertugas dan kami kemudiannya dibawa ke bilik lembaga pengarah bagi sesi taklimat oleh Pengarah CEMACS, Datuk Prof. Dr. Aileen Tan Shau Hwai.




PROF. Dr. Aileen Tan Shau Hwai.

Beliau menjelaskan bahawa CEMACS menjadi daya tarikan bukan sahaja kepada institusi tempatan tetapi juga peringkat antarabangsa.

"Kami berada dalam persekitaran bersih iaitu di kawasan taman negara yang mana alam semula jadi sangat dilindungi di sini. Justeru, kebanyakan saintis dari luar negara yang pernah datang ke sini menyatakan hasrat untuk kembali semula bagi mengkaji hutan simpan dan kehidupan laut.

"Di sini, kami memberi lebih tumpuan terhadap aspek kelestarian akuakultur hijau, biodiversiti dan pemuliharaan ekosistem hidupan laut selaras dengan tiga teras utama CEMACS iaitu ekonomi, alam sekitar serta sosial.

"Walaupun terdapat beberapa universiti lain cuba mengikuti jejak langkah USM dengan menubuhkan pusat marin tetapi CEMACS tetap menonjol kerana kami mempunyai koleksi haiwan invertebrata terbesar di negara ini.




RUPA bentuk *'Star of Penang' (Luidia Penangensis)*.



SEBAHAGIAN koleksi batu karang.



MENELITI mikroorganisma marin menerusi mikroskop.

"Sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan pula, kami juga berkongsi pengetahuan dalam mempromosikan pendidikan kepada pelajar dan masyarakat," ujarnya.

Tambah Shau Hwai, CEMACS juga turut memberi tumpuan terhadap aktiviti ekopelancongan untuk membantu penduduk di negeri ini menjana pendapatan.

Hal ini kerana menurutnya, kebanyakan pelancong yang datang ke Pulau Pinang bukan sahaja mahu menikmati makanan lazat semata-mata bahkan mereka juga ingin melihat sesuatu yang berbeza, dan inilah peranan dimainkan oleh CEMACS.

"Kami juga menjalinkan kerjasama dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mempromosikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) dengan mengadakan bengkel pendidikan untuk pelajar seawal usia lima tahun.



MERAKAM gambar kenangan pada pertengahan perjalanan.




PENANDA arah sebagai panduan.





FAUNA-fauna mikro yang ditemui.

"Dan pada tahun ini sahaja, kami menerima kunjungan pelajar luar negara antaranya, dari Glasgow, Kiel University of Germany, Hong Kong University, North Eastern University dari Boston dan banyak lagi," ulasnya.

Difahamkan, CEMACS juga turut menyediakan kemudahan penginapan iaitu lima unit asrama yang boleh menempatkan maksimum 80 orang dan 12 unit flat kecil dengan kapasiti maksimum 40 penghuni yang mana tempahan boleh dibuat melalui dalam talian, dua minggu dari tarikh lawatan.

Mengulas lanjut, Shau Hwai memberitahu bahawa CEMACS juga turut menyumbang kepada masyarakat dengan membantu melatih nelayan serta komuniti setempat menerusi program penternakan tiram bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

"Tiram sebelum ini dianggap sebagai makanan laut yang tinggi kolestrol, tetapi ia sebenarnya mempunyai kadar kolesterol rendah dan merupakan makanan sihat," ujarnya.

Pada kunjungan tersebut, kami turut dibawa melawat ke *Crustacean Research Lab*, *Marine Invertebrate Collection Centre*, *Microplastic Lab* dan *Hatchery Centre*.

Banyak ilmu yang kami peroleh daripada Timbalan Pengarah CEMACS. Dr. Annette Jaya Ram; pensyarah, Dr. Abe Woo Sau Pinn dan Dr. Norlaila Mohd. Zanuri; pegawai penyelidik, N. Nithiyaa serta rakan-rakan mereka mengenai ketam, batu karang, obor-obor, tiram, rumpai laut, gamat, udang dan pelbagai lagi spesies hidupan marin.

Perkara yang sangat menarik perhatian kami di pusat pengumpulan invertebrata adalah kewujudan tapak sulaiman yang mempunyai enam lengan dikenali sebagai '*Star of Penang*' (*Luidia Penangensis*) yang pertama kali ditemui pada tahun 1891 dan hanya di Pulau Pinang oleh de Loroil.

Mengakhiri lawatan tersebut, kami dihidangkan dengan makan tengah hari yang lazat sebelum bertolak pulang menaiki bot ke jeti Teluk Bahang.

Bagi penulis, lawatan ini bukan semata-mata untuk merapatkan hubungan antara rakan-rakan sekerja malah ia juga turut memberikan pengalaman yang mengagumkan khususnya berkaitan kepentingan hidupan marin.

Terima kasih diucapkan kepada Dr. Aileen Tan (Shau Hwai) dan seluruh kakitangan CEMACS yang berusaha mengekalkan biodiversiti serta melindungi alam semula jadi.



SEBAHAGIAN keindahan alam yang berjaya dirakam.



SPESIMEN obor-obor yang disimpan untuk tujuan penyelidikan.



# Kesedaran masyarakat penting dalam usaha tangani kes keganasan terhadap wanita

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**25HB NOVEMBER** dikenali sebagai Hari Antarabangsa untuk Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita atau Elimination of Violence Against Women (EVAW). Satu bentuk keganasan iaitu Keganasan Rumah Tangga (KRT) didefinisikan sebagai satu corak keganasan, penyalahgunaan dan juga intimidasi yang dilakukan oleh seseorang terhadap anggota keluarga. Ia adalah jenayah yang disasarkan kepada jantina tertentu dan berakar umbi di dalam ketidaksamaan tanggapan masyarakat terhadap golongan wanita dan golongan lelaki. Keganasan berasaskan jantina adalah disebabkan ketidakseimbangan kuasa. Yang lebih berkuasa akan mengganas terhadap yang kurang berkuasa.

Menurut Pejabat Dadah dan Jenayah di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDOC), penyelidikan baru yang diterbitkan pada awal tahun 2019, enam orang wanita terbunuh dalam masa setiap jam oleh orang yang mereka kenali. Tambahan, satu penyelidikan mendapati bahawa "tempat yang paling berbahaya" bagi golongan wanita di seluruh dunia adalah di rumah. Lebih daripada separuh (58%) daripada 87,000 kes golongan wanita yang menjadi mangsa pembunuhan yang telah direkodkan tahun lalu, dibunuh oleh pasangan serumah atau ahli keluarga mereka (UNODC, 2018). Di Malaysia, gerakan hak asasi wanita dan masyarakat sivil menggesa Malaysia mengamalkan Akta Keganasan Rumah Tangga



**PARA peserta yang mengambil bahagian dalam program *Penang Goes Orange (PGO)* menunjukkan tanda sokongan terhadap kempen hentikan keganasan terhadap wanita semasa penganjuran program berkenaan dekat Taman Burung, Seberang Jaya, baru-baru ini.**

(DVA) pada tahun 1994. Malaysia menjadi negara pertama di rantau Asia-Pasifik dan negara Islam yang pertama untuk menjenayahkan keganasan rumah tangga. Walaupun undang-undang itu sudah ada sejak itu, namun proses penguatkuasaan masih sangat kurang.

Pada tahun 2018, KRT menduduki tempat teratas dari segi EVAW dengan 4,963 kes yang telah dilaporkan (NST, 2019) dan 5,513 kes pada tahun 2017 (WAO). Sejak 2010, terdapat peningkatan yang stabil di dalam kes-kes yang dilaporkan. Pada tahun 2011, 3,277 kes telah dilaporkan dan 5,796 kes telah dilaporkan pada tahun 2016 pula. Ini menunjukkan 77% peningkatan dari tahun 2011 ke tahun 2016. Statistik bagi kes-kes yang dilaporkan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga (DVA) adalah lebih tinggi daripada kes kemalangan kecil jalan raya di Malaysia, yang mana pada tahun 2017 terdapat 2,468 kes dan pada 2018, 2,242 kes telah dilaporkan. Tidak hairanlah jikalau menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 1 daripada 3 wanita telah mengalami pelbagai bentuk keganasan di dalam hayat mereka.

Walaupun adanya undang-undang bagi rakyat Malaysia untuk menuntut ganti rugi, secara realiti, para mangsa kurang mendapat bantuan dari segi hak-hak, perlindungan, dan sokongan dalam pembelaan untuk mendapat ganti rugi. Di dalam sesetengah keadaan, pengetahuan yang tidak mencukupi dan nilai peribadi yang kurang sensitif mengenai KRT dari pihak yang berkepentingan seperti polis, doctor, dan jururawat, telah menghalang mangsa untuk mencari bantuan. Pihak berkepentingan perlu meningkatkan kesedaran dan membina kapasiti mereka untuk menangani dan menguruskan kes KRT dengan lebih tersusun agar mereka dapat membantu mangsa dengan lebih baik.

Sebaliknya, adalah sukar bagi seseorang mangsa untuk dapat ganti rugi sekiranya mereka tidak menyedari hak-hak mereka dan jika masih terjejas dengan stigma. Dalam banyak kes, mangsa dipersalahkan apabila berlaku keganasan atas alasan ketidakupayaan mangsa dalam memenuhi keperluan pasangan atau ahli keluarga mereka. Ramai dalam masyarakat mempunyai persepsi bahawa KRT merupakan isu perkahwinan yang harus diselesaikan di antara mangsa dengan pasangannya ataupun anggota keluarganya dan bukannya dilihat sebagai satu kes jenayah. Ada juga yang menggunakan agama dan budaya untuk memberi justifikasi terhadap perbuatan itu.

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan talian hotline Talian Kasih 1599 sebagai platform bagi rakyat Malaysia mendapat bantuan sekiranya mereka menghadapi apa-apa bentuk keganasan dalam rumah atau komuniti. Walaupun bantuan ini sekadar satu panggilan telefon sahaja, ia mungkin dapat menyelamatkan nyawa mangsa. Kesedaran masyarakat penting untuk mencegah atau mengurangkan kes keganasan berasaskan jantina. Jika berlaku keganasan dalam komuniti, jiran patut bantu dan jika boleh laporkan kes tersebut sebelum ia menjadi mudarat.

## PWDC berjaya latih 20 fasilitator

**PERBADANAN** Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah berjaya melatih 20 orang fasilitator daripada pelbagai latar belakang bagi tujuan memperkasakan lebih ramai wanita dalam aspek kepimpinan.

Pada masa ini, negeri Pulau Pinang mendahului negeri-negeri lain dalam mempromosi keterangkuman gender dengan pelancaran Dasar Keterangkuman Gender dan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK). Demi hasrat melangkah ke depan untuk mempergandakan usaha memperkasakan wanita di dalam masyarakat, PWDC telah mengadakan bengkel selama dua hari untuk melatih lebih ramai fasilitator supaya lebih banyak bengkel pembangunan kepimpinan dapat dijalankan.

Fasilitator PWDC yang dipilih akan melatih Ahli Jawatankuasa



**KAKITANGAN PWDC bergambar kenang-kenangan bersama-sama barisan fasilitator yang berjaya dilatih selepas tamat model latihan pengucapan awam dan latihan berpasukan yang dianjurkan baru-baru ini.**

wanita daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di negeri ini. Usaha ini akan berlipat-ganda apabila wakil MPKK mengunakan modul latihan tersebut dan melatih ahli-ahli komuniti di kawasan masing-masing. Pendekatan dari atas ke bawah ini dapat memastikan wanita daripada akar umbi mendapat manfaat daripada inisiatif ini dan mempunyai peluang yang lebih baik untuk menggunakan bakat kepimpinan mereka.

Modul latihan tersebut merangkumi pengenalpastian stereotaip gender, fakta dan angka mengenai penyertaan wanita di dalam politik, pengucapan awam, dan latihan berpasukan. Peserta dapat mengenalpastikan perbezaan antara gender dan jantina dan memahami bahawa stereotaip gender memberi kesan berbeza terhadap golongan wanita dan lelaki. Jantina merupakan ciri biologi seseorang, sebagai contoh, ovari bagi golongan wanita dan halkum bagi golongan lelaki. Jantina sukar bertukar. Sebaliknya gender merupakan satu konstruk sosial yang ditakrifkan oleh masyarakat. Sebagai contoh, wanita sepatutnya menjaga rumah dan lelaki pula menjadi pemimpin. Walau bagaimanapun, ada lelaki yang boleh menjaga rumah dan wanita pula menjadi pemimpin. Maka, gender boleh berubah mengikut masa dan keadaan. Namun demikian, kontrak sosial yang dikenakan ke atas wanita seringkali tidak adil. Modul latihan pertama ini adalah penting bagi peserta menyedari punca-punca ketidaksaksamaan gender dan mencari penyelesaian yang sesuai.

Latihan kemudiannya membincangkan keadaan semasa penyertaan wanita dalam politik di Malaysia. Bahagian ini penting untuk mengenalpasti jurang gender pada setiap tahap pembuat keputusan, dari Dewan Rakyat ke Dewan Undangan Negeri ke Majlis Kerajaan Tempatan dan di komuniti.

Modul latihan pengucapan awam dan latihan berpasukan yang seterusnya dapat membina kapasiti para peserta supaya dapat menjalankan sesi mereka dengan lebih berkesan.

Pada akhir bengkel, para fasilitator yang terpilih akan diletakkan dalam bengkel-bengkel pembangunan kepimpinan MPKK yang berlangsung dalam bulan September dan Oktober, 2019.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 2920
Peminjam : TAN SIEW LING - 72123007****
NO. 5 SOLOK BUKIT BELAH 4, EMERALD PARK, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NG HEE KIANG @ ENG HEE WEH - 47071502****
1 HALA DAMAI, TAMAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TAN PHAIK YANN - 70070807****
101 JALAN BUKIT IDAMAN 1, TAMAN BUKIT IDAMAN 68100 BATU CAVES, SELANGOR

No Akaun : 2922
Peminjam : YAP LIAN KEAT - 72080507****
24 JALAN SENANGIN, TAMAN SENANGIN 09000 KULIM
Penjamin 1 : YAP LIAN KING - 68120802****
09-03 BLOK A DATIN HALIMAH CONDOMINIUM, JALAN DATIN HALIMAH, LARKIN 80350 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 2 : LOW HOE SUN
382 LORONG CENGAI MERAH, TAMAN BERSATU, KULIM 09000 KEDAH

No Akaun : 2954
Peminjam : THEVANTHAREN A/L MUNIANDY - 73022407****
G-07-03 MENTARI COURT, TAMAN SERI MENTARI 46150 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : GUNALAN A/L RANGASAMY - 48070207****
41 JALAN BAYAN KECIL 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : AHMAD JAAFAR BIN ABD RAHMAN - 56042008****
424 KAMPUNG TITI TAMPANG, JALAN KILANG GULA, CHUPING 02500 KANGAR, PERLIS

No Akaun : 2976
Peminjam : LEE YEE WOOI - 72032907****
NO. 14 LORONG CERMAI 7, TAMAN CERMAI 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : OOI OH CHIN - (MENINGGAL DUNIA)
6798 JALAN MELUR, JALAN RAJA UDA 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LEE BAK NGOH - 39081408****
19 MEDAN MELUR SELATAN 12300 BUTTERWORTH

No Akaun : 2997
Peminjam : SANTHY A/P SUBBARAU - 74011707****
POLITEKNIK BANTING SELANGOR, JALAN SULTAN ABDUL SAMAD 42700 BANTING, SELANGOR
Penjamin 1 : SUBBARAU A/L PARADESI - (MENINGGAL DUNIA)
74 A TAMAN SEJAHTERA, BAKAR ARANG, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : SATHIAVATHI A/P SUBBARAU - 65062302****
19 JALAN 2/3A, BANDAR BARU SELAYANG 68100 BATU CAVES, SELANGOR

No Akaun : 3004
Peminjam : MD RUSLI BIN ISMAIL - 74033102****
NO. 218 JALAN KENANGA 6/9, PERSIARAN AMANJAYA 7, BANDAR AMANJAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : ZAKARIA BIN TALIB - 51121007****
1463 PERMATANG BOGAK 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : ZULKAFLI BIN HASHIM - 62070407****
67 JALAN SERAMBI U8/32, BUKIT JELUTONG, SHAH ALAM 40150 SELANGOR

No Akaun : 3010
Peminjam : ISMAIL BIN ISHAK - 72032907****
30 HALAMAN MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : AYUB KHAN BIN AHMED KHAN - 66081007****
NO. 80 LEBOH BUKIT KECIL 5, TAMAN SRI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS,PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL RAHIM BIN ISHAK - 59032507****
21 SOLOK BUKIT JAMBUL 4, BUKIT JAMBUL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 3026
Peminjam : FAZIDAH BINTI AADENAN - 74080507****
NO. 2369 RANTAU PANJANG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : ROHIM BIN MOHAMED - 61031407****
NO. 346 JALAN TIRAM 5, TAMAN TIRAM, LUNAS 09600 KEDAH
Penjamin 2 : ABDUL MALIK BIN ZAKARIA - 70111107****
NO. 2 LORONG RUPAWAN INDAH 4, TAMAN RUPAWAN INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 3054
Peminjam : PRABHAKARAN A/L THIYAGARAJAN - 70090207****
A-19-01 KELANA MAHKOTA CONDOMINIUM, JALAN SS7/19, KELANA JAYA 47301 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : KUPPUSAMY A/L MUTHUKANIU - 47102807****
NO. 16 JALAN TEMBUSU , TAMAN PUYU, BAGAN LALANG 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NADARAJA A/L TANIMALAY - (MENINGGAL DUNIA)
17 LORONG RUSA 5, TAMAN SELAMAT, ALMA ,14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3056
Peminjam : AIDA BT MOHAMED ARIFFIN - 70090707****
NO. 18 JALAN ROS , KAMPUNG ISTANA, BATU PAHAT 83000 JOHOR
Penjamin 1 : HASNAH BT MOHAMAD - 45110407****
473A JALAN KENANGA 1/22, TAMAN KENANGA, SEKSYEN 1, 75200 MELAKA
Penjamin 2 : ABD WAHAB BIN MD ISA - 59091002****
174-G KAMPUNG MASJID 08300 GURUN, KEDAH

No Akaun : 3058
Peminjam : CHEONG KAH HING - 72071910****
35 LORONG KURAU 23, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI
Penjamin 1 : CHEONG WENG CHOY - 42122507****
35 LORONG KURAU 23, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI
Penjamin 2 : CHEONG KAH POH - 69011710****
35 LORONG KURAU 23, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI

No Akaun : 3073
Peminjam : GERALD CHIN CHUNG PENG - 71050607****
2-3-8A BANGUNAN LIP SIN, LEBUH PEKAKA 1, SUNGAI DUA 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH SAW SIEW - 71123107****
152 LEBUHRAYA BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHIN WOOI LEONG - 45100409****
1-6-2 DESA MEDURA, RELAU 6, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 3076
Peminjam : LEE KAH HEONG - 71042007****
97-7-1 UNIVERSITI HEIGHTS, JALAN SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KEE HAI GAIK - 41100907****
NO. 12 LORONG GAMELAN 3, TAMAN GAMELAN 14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 2 : KEE BOON KEAT - 64012107****
1440 TAMAN SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI BAKAP, SPS,

No Akaun : 3082
Peminjam : SARAVANAN A/L KAMALASEGARAN - 72012107****
NO 144 LORONG MESRA , TAMAN KEENWAYS 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SIVASUBRAMANIAM A/L AYYAVU - 62100107****
32 LORONG BELIBIS 21, TAMAN TANGLING 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : ALEXANDER A/L RAJAGOPAL - 70082207****
NO. 9 MUKIM 15, KAMPUNG BARU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3090
Peminjam : SUMATHI A/P SATHASIVAM - 73111207****
NO. 1 JALAN SUASANA 2/1, BANDAR TUN HUSSIEN ONN 43200 BATU 9 CHERAS, SELANGOR
Penjamin 1 : TANGAYA A/L SAMINATHAN - (MENINGGAL DUNIA)
1193 JALAN KULIM 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : GOVINDAN A/L SAMINATHAN - (MENINGGAL DUNIA)
36 LORONG KANTAN 1, TAMAN JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3110
Peminjam : WONG KAH SENG - 72021407****
19 LORONG PINGGIRAN ALMA 7, TAMAN PINGGIRAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : WONG KIM CHOON - 46093007****
19 LORONG PINGGIRAN ALMA 7, TAMAN PINGGIRAN ALMA 14000 BUKIIT MERTAJAM
Penjamin 2 : GOH POH YEAN - 72061307****
19 LORONG PINGGIRAN ALMA 7, TAMAN PINGGIRAN ALMA 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 3132
Peminjam : SIM CHOOI BENG - 74092207****
653 JALAN KEBUN SIREH, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SIM CHOOI LYE - (MENINGGAL DUNIA)
1657 JALAN KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM LILY - 64052207****
10 TINGKAT PERPADUAN 2, TAMAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3140
Peminjam : TNEH AIK HONG - 74060107****
NO. 43 LORONG MURNI 24, DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : GOH KHOON SENG - 59083107****
72 LORONG MESRA PERMAI 8, TAMAN MESRA PERMAI 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : TNEH AI NEE - 62111207****
72 LORONG MESRA PERMAI 8, TAMAN MESRA PERMAI 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 3145
Peminjam : POON BOON JOON - 74061007****
NO. 11 JALAN INDAH 1/7, TAMAN BUKIT INDAH 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1 : POON SOO HOI @ PUN SOO HOOI - 48030807****
NO. 11 JALAN INDAH 1/7 , TAMAN BUKIT INDAH 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 2 : LEE KOOI BENG - 62081202****
NO. 1579 LORONG 31 , TAMAN RIA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 3150
Peminjam : LOK ENG HIN - 73122807****
32 JALAN MOULMEIN 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LOK BAN HOCK - 40092802****
32 JALAN MOULMEIN 10350 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LOK CHOON EAN - 69091607****
32 JALAN MOULMEIN 10350 PULAU PINANG

No Akaun : 3213
Peminjam : TAN HOOI BEE - 74120610****
7-11-02 JAY SERIES, GREENLANE HEIGHTS, JALAN GANGSA, 10600
Penjamin 1 : TANG CHIN TEONG - 4871***
5685-J MAK MANDIN, BLOK B, 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : AARON TAN LYN FOONG - A2237***
7-11-2 JAY SERIES , GREENLANE HEIGHTS, 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 3237
Peminjam : TEOH SAY SEE - 71122607****
80 JALAN IMPIAN SATU, TAMAN IMPIAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TEOH CHENG KANG - (MENINGGAL DUNIA)
6 TINGKAT BINJAI 30, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TAN BENG SOON - 41031007****
42-4-10 JALAN VAN PRAAGH, WEST JELUTONG 11750 PULAU PINANG

No Akaun : 3250
Peminjam : LIM CH UEY LING - 73071607****
118B-7-8 JALAN DATO ISMAIL HASHIM, PEARL GARDEN, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : OONG GIM CHYE - 46111107****
75-A LEBUH TYE SIN 10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KHEK CHOON HIN - (MENINGGAL DUNIA)
1-9-2 TAMAN SRI BUNGA, LENGKOK NIPAH 5, JALAN SUNGAI DUA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 3261
Peminjam : TAN BENG HUAT - 66051307****
BLOK 3-6-10 JALAN 1/1A, TAMAN KEPONG INDAH 52100 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : CHONG WENG HUA - 62071502****
27 JALAN SS 14/8F, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR
Penjamin 2 : TAN BENG KEW - 63072607****
1A-08-01 ONE IMPERIAL, LILITAN SUNGAI ARA 14, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 3273
Peminjam : TANG CHIN HOOI - 65013007****
59 TINGKAT SIAKAP 9, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : TAN TEE HIN - 60090207****
9 JALAN PJU 1A/24E, ARA DAMANSARA, PETALING JAYA 47301 SELANGOR
Penjamin 2 : ONG SWEE BEE - 60070907****
NO. 35 SS 23/29, TAMAN SEA, PETALING JAYA, 47400 SELANGOR

No Akaun : 3278
Peminjam : TAN LAN HOOI - 63060307****
42C-18-27, GAT LEBUH MACALLUM 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHENG KEE CHOON - 53061707****
306-4-9 TAMAN JELUTONG, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LOO AH KOO@LOH PENG KEUN - 37093002****
BLOK KL-4-2, TAMAN FREE SCHOOL 10600 PULAU PINANG

No Akaun : 3292
Peminjam : THIRUVARUTSELVAR A/L MUNIANDY - 70062507****
41 JALAN DATO HUSSEIN ONN, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NAGALINGAM A/L KATTAMUTHU - 57020602****
157 TAMAN KOBIS, JALAN PAYA BESAR 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : TULISI NATHZAN A/L MURUGAYA - 52032102****
A7-02-04 JALAN TUNA 13700 SEBERANG JAYA,

No Akaun : 3313
Peminjam : NORIZAHAM BIN OMAR - 69122407****
BLOK E-G-2 KUARTERS GURU, SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN HOSBA 06010 CHANGLOON, KEDAH
Penjamin 1 : ABDULLAH BIN HASHIM - 43040407****
1495 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : SALEH BIN HASHIM - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 483 PERMATANG KUANG 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 3317
Peminjam : BADRUL ZAMAN BIN ABDULLAH - 69022107****
2-16 BLOK C1 JALAN PAUH INDAH 1, TAMAN PAUH INDAH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : BANI HUSAIN BIN MD YUSOF - (MENINGGAL DUNIA)
11A LORONG SIAKAP 14, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI
Penjamin 2 : AHMAD OSMANI BIN MOHAMED HASHIM - 54033007****
26 LORONG TERINAI, TAMAN INDAH, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3319
Peminjam : DAVID A/L SAMINATHAN - 67021007****
NO. 23 LORONG 14, TAMAN CEGAR 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : CECILIA A/P ANTHONYSAMY - 59012407****
NO. 32 LORONG BELATUK 4, TAMAN BELATUK 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : LOUIS A/L D AROKIASAMY - 48071108****
47 PERSIARAN MERBUK, TAMAN BAHAGIA 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 3327
Peminjam : MOHD ALI BIN ISMAIL - 68032307****
NO. 16 LENGKOK BAWAH, BUKIT GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AZIZ BIN IBRAHIM - 60061571****
NO. 28 PERUMAHAN KASTAM KANGAR, JALAN KAMPUNG PONDOK 01000 KANGAR, PERLIS
Penjamin 2 : MASDAR B ABD RASHID - (MENINGGAL DUNIA)
9 KG TERANG, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG

No Akaun : 3328
Peminjam : FAZILAH BINTI ABDULLAH - 70062607****
B-16 RUMAH TRANSIT 2, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SITI ROHANI BINTI SIRON - 44090102****
B-16 RUMAH TRANSIT 2, 10470 TANJUNG TOKONG PULAU PINANG
Penjamin 2 : KAMAL BIN SIRON - (MENINGGAL DUNIA)
BLOK 9-1-2 JALAN TENGAH , BANDAR BAYAN BARU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 3334
Peminjam : ZAHAIR BIN ZAINUL ABIDIN - 69052207****
NO. 7 TAMAN PUTRA PUTERI, KANGAR 01000 PERLIS
Penjamin 1 : MD JAMIL BIN MD HANIFF - 54091802****
NO. 18 JALAN BELIBIS 19, TAMAN PERLING, JOHOR BAHRU 81200 JOHOR
Penjamin 2 : NOR ASLAN BIN MOHD BAIE - 59013010****
B6 LOT 3767, LORONG HAJI SAID BATU 7, JALAN KEBUN, SEKSYEN 30, 40460 SHAH ALAM , SELANGOR

No Akaun : 3386
Peminjam : TOH CHENG BOK - 62021907****
NO. 28-H JALAN 3, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : QUAZI BIN ABDUL HALIM - 9533***
150 LOWER CRESCENT, BUKIT GLUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NORRIZAH BIN M.ISMAIL - 59080907****
NO. 9542 JALAN SS 12/1F 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR

No Akaun : 4001
Peminjam : BATHUMAVATHY A/P SUPPIAH - 72050507****
NO.3 LORONG MARKISAH 4, TAMAN MARKISAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : PIRAHALATHAN A/L RAMAMURTI - 61071802****
NO. 18 LORONG KURAU 7, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI
Penjamin 2 : MUNIANDY A/L RAMAYAH - 52072907****
15 TINGKAT ERSKINE TIGA 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 4016
Peminjam : ANG GUIK CHENG - 73111307****
21 LORONG IMPIAN 7, TAMAN IMPIAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ANG KIAT LEONG - A1440***
21 LORONG IMPIAN 7, TAMAN IMPIAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ANG KIAT THOON - A2375***
NO. 6 JALAN SEMANGAT , KAMPUNG BARU 14000 BUKIT MERTAJAM

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 4053
Peminjam : GOVINDER SINGH A/L SIVNARAIN SINGH - 74120107****
14 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : NADARAJAN A/L MUNIANDY - 57110710****
NO. 16 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH 13700 PERAI
Penjamin 2 : M.K.YASU DEVAN A/L S M KUMARASAMY - 57040507****
41 LORONG NANGKA 5, TAMAN DESA DAMAI 14100 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4060
Peminjam : TANG ENG KEONG - 76112107****
NO 9 SOLOK BINJAI 2, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TAN YEN TEGK - 67050207****
663 KEPALA GAJAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : LAI HON CHIEW - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 9 TINGKAT BINJAI 24, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 4087
Peminjam : SITHI HAMNA BINTI ABU BAKER - 74053071****
NO. 89 LORONG SERAMPANG, TAMAN TELUK PULAI 41100 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1 : ABU BAKER BIN MOHD IBRAHIM - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 42A JALAN HILIR, TAMAN GEMBIRA 41100 KLANG, SELANGOR
Penjamin 2 : M A AHMAD BIN ABDUL KADER - (MENINGGAL DUNIA)
137 JALAN DATUK SULAIMAN 3, TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 4118
Peminjam : LIM CHENG SEONG - 73082007****
NO. 3 LORONG DESA PALMA 3, TAMAN DESA PALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TAN NGOH SING - 55011008****
18 LORONG JAMBU MADU 4, TAMAN JAMBU MADU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TAN GUANG CHEA - (MENINGGAL DUNIA)
18 LORONG JAMBU MADU 4, TAMAN JAMBU MADU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4123
Peminjam : LIM WUN LEE - 72121007****
14 LORONG CERMAI 7, TAMAN CERMAI 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : BEH TEIK HUP - (MENINGGAL DUNIA)
4 LEBUHRAYA KURAU, CHAI LENG PARK 13700 PERAI
Penjamin 2 : LO WOH PENG @ LOH EE PENG - 45013108****
19 JALAN IMPIAN 1, TAMAN IMPIAN, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4143
Peminjam : NURZAFIL BIN CHIK - 75081407****
BATU 30 JALAN SERDANG, KAMPUNG BAGAN SAMAK 34950 BANDAR BAHARU, KEDAH
Penjamin 1 : ZAINAL ABIDIN B MOHAMED ARABEE - 35041707****(MENINGGAL DUNIA)
245 JALAN PERWIRA, TAMAN PERWIRA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD LUTFI B NORDIN - 64062002****
F505 KAMPUNG CHARUK PADANG 08200 SIK, KEDAH

No Akaun : 4171
Peminjam : TAN LAY PENG - 73090107****
NO. 50 LORONG SENTUL 24, TAMAN SENTUL JAYA 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SAW HUNG CHEW - 0275***
502-G JALAN TANJONG BUNGAH 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG
Penjamin 2 : HOR YOU CHOI - 5854***
B-5-6-14 LINTANG PAYA TERUBONG 3, DESA PERMATA, AIR ITAM 11060 PULAU PINANG

No Akaun : 4180
Peminjam : HARIZA BINTI ABDUL RAHIM - 75122107****
NO 53 LORONG SRI DESA, KAMPUNG BESAR 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : HABSHAH BTE HAJI TAIB - 60021407****
B-165 JALAN MP 36, KAMPUNG MATANG PAGAR 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR
Penjamin 2 : ISMAIL BIN OSMAN - 60072402****
B-165 JALAN MP 36, KAMPUNG MATANG PAGAR 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR

No Akaun : 4194
Peminjam : MOHD RIZAL B MOHD SALLEH - 75070807****
1208 JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : FARIDAH BT M.SULTAN MYDIN - 53122907****
137 JALAN SURIA TIGA, TAMAN SURIA, TAIPING 34000 PERAK
Penjamin 2 : SHAHAR BANUN BT SULTAN MAYDIN - 59072507****
1208 JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH

No Akaun : 4202
Peminjam : MAZLI BIN ABDUL MALIK - 75053007****
10-2-6 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL MALIK BIN ISMAIL - 50120407****
NO. 156 JALAN PERMAI 3, TAMAN DESA PERMAI 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : HALIMI B HAJI MOHAMED NOH - 62083006****
2A JALAN SUNGAI NIPAH 3, TAMAN GENTING EMAS, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG

No Akaun : 4248
Peminjam : ROZANA BT ABDUL RAHMAN - 74072009****
NO 39 LORONG 3, KAMPUNG GURU 01000 KANGAR
Penjamin 1 : FITRIAH BT CHE PI @ HANAFI - 59041109****
NO. 266 BAITUL FITRI, KM 4 JALAN SANTAN 01000 KANGAR, PERLIS
Penjamin 2 : NORDIN BIN YAHYA - 57070409****
NO. 19 LORONG BELIMBING, TAMAN SURIANI 01000 KANGAR, PERLIS

No Akaun : 4261
Peminjam : MASLINA BTE MANSOR - 76093007****
LOT 58 JALAN 17/141, KAMPUNG MALAYSIA TAMBAHAN 57100 SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : HAMIDON BIN MOHAMAD - 57112207****
NO. 446 JALAN RIA 3, TAMAN RIA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : YAHAYA MOHAMED - 66111507****
287 JALAN HAJI MURSHID 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH

No Akaun : 4264
Peminjam : MOHD FIRDAUS BIN AHMAD - 75032307****
NO. 40 & 42 JALAN WAWASAN 4, TAMAN WAWASAN JAYA 34200 PARIT BUNTAR, PERAK
Penjamin 1 : MAT DALI BIN ISMAIL - 54051608****
NO. 15 A BATU 4, SUNGAI DUNGUN, KUALA KURAU 34350 PERAK
Penjamin 2 : ARSHAD BIN YOP - 43100307****
2A-18-06 MUTIARA IDAMAN, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 4265
Peminjam : MOHD RADZI BIN SAMSUDIN - 75110107****
2A-8-8 MUTIARA IDAMAN 2, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : HALIJAH BINTI SAMSUDIN - 69110907****
216 MK H JALAN SUNGAI NIPAH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD NAZRI BIN SAMSUDIN - 73021007****
216 MK H JALAN SUNGAI NIPAH 11000 BALIK PULAU , PULAU PINANG


# RUMAH PANGSA MUTIARA INDAH (SIMPANG AMPAT)




**Keluasan Binaan : 56 m2 (Min) - 57m2 (Max)**
**Harga Jualan : RM148,000 (Min) - RM218,000 (Max)**
**Bilangan Unit : 23 Unit**

**Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP**
**No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-75/52**
**Tarikh Dijangka Siap : Mar 2021**

PALMINGTON SDN. BHD. (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-324 0088 / 04-501 0088 Fax : 04-324 0090 Email: tilb@tambunindah.com

**HAKMILIK KEKAL**
**5% Diskaun Untuk Bumiputera**

# *GBS One Mahsuri* demi penuhi keperluan industri GBS

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang membangunkan projek *GBS One Mahsuri* iaitu kemudahan Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) yang baharu bagi memenuhi keperluan industri berkenaan yang semakin meningkat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek tersebut akan dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan terletak bersebelahan ibu pejabat perbadanan berkenaan dekat Bayan Baru.

Menurut Kon Yeow, projek berkenaan dijadualkan siap pada separuh pertama tahun 2020 yang mana bakal menyediakan ruang pejabat gred A dengan keluasan 80,000 kaki persegi untuk memenuhi keperluan semasa industri GBS di Pulau Pinang.

"Ia adalah rancangan pembangunan utama negeri untuk menawarkan ruang kerja serta persekitaran perusahaan yang lebih kondusif bagi para pelabur di samping menyokong bakat di seluruh dunia.

"Industri GBS di Pulau Pinang kini sedang bergerak ke fasa pertumbuhan seterusnya, yang mana ia didorong oleh inisiatif digitalisasi," ucapnya pada Majlis Pembukaan GBS Ke-5 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah investPenang (iP) merangkap Penasihat Pelaburan Khas Kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon, Dato' Loo Lee Lian (Ketua Pegawai Eksekutif iP) dan Kim Chin Kuang (Pengerusi Global Focus Group, GFG Pulau Pinang).

Serentak persidangan tersebut, turut berlangsung adalah majlis pelancaran logo GFG Pulau Pinang.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa terdapat lebih 60 syarikat pengoperasian GBS di Pulau Pinang, dan kira-kira sepertiga daripadanya adalah penggiat pembuatan dengan mendirikan kilang di sini seperti *B Braun*, *Cypress*, *Intel*, *Jabil*, *Motorola*, *Osram* dan *Seagate*.

"Di samping itu, terdapat juga aliran yang semakin meningkat yang mana syarikat multinasional yang tidak mempunyai kilang secara fizikal di negeri ini telah memilih untuk menubuhkan operasi perkhidmatan perkongsian mereka di Pulau Pinang antaranya *Celestica*, *First Solar*, *Swarovski* dan *UST Global*.

"Industri GBS di Pulau Pinang telah mewujudkan lebih 12,000 pekerjaan berpendapatan tinggi, dan Pulau Pinang berada di tangga kedua dari segi GBS atau perkhidmatan perkongsian dan pelaburan penyumberan luar selepas Lembah Klang," jelasnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.




**KETUA Menteri ketika memberi ucapan pada Majlis Pembukaan GBS Ke-5 di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, menurut Lee Lian, kumpulan GFG yang ditubuhkan pada Mei tahun ini merupakan kumpulan fokus GBS pertama di luar dari Kuala Lumpur.

"Ia membolehkan pemegang kepentingan mempunyai platform untuk berkongsi maklumat, idea berkaitan industri.

"Serentak itu, ia juga akan menyampaikan saluran serta memberikan maklum balas berkesan mengenai dasar kerajaan, kajian bersama dan laporan penanda aras serta amalan terbaik," ujar beliau.


LOT KOMERSIAL 2 DAN 3 TINGKAT

LOKASI YANG STRATEGIK

1-city terletak di kawasan strategik berhampiran menuju Highway Utara-Selatan (PLUS) dan kawasan industri serta dijalinkan dengan bandar besar seperti Bukit Mertajam, Butterworth dan Kulim.



PEMAJU

PARAMOUNT GARDEN SDN. BHD. (1149658-D)
1797-1-8a, Kompleks Auto World
Jalan Perusahaan Juru Interchange, 13600 Prai, Pulau Pinang
T: 04-507 8980/507 8981 • F: 04-507 5980 • E: loyal188@gmail.Com

Jumlah unit: 60 • No Kelulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-43/46 • Tarikh dijangka siap: Ogos 2019
• Pihak berkuasa yang meluluskan pelan Bangunan: MPSP

Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera

LOT KOMERSIAL
2 & 3 TINGKAT

Harga Jualan:
RM908,000 (Min)~RM1,800,000 (Mak)

Luas Tanah:
1399.95kps (Min)~3623.56kps (Mak)

Luas Bangunan:
2603.14kps (Min)~9707.97kps (Mak)



# Program pembersihan pantai pupuk kesedaran jaga alam sekitar

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**BAGAN DALAM** – Kira-kira 500 sukarelawan mengambil bahagian dalam program gotong-royong mengembalikan keindahan Pantai Bersih dekat Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Bagan Ajam di sini pada 24 Ogos lalu.

Sebanyak 647.4 kilogram (kg) sampah termasuk 46.7kg barangan kitar semula berjaya dikumpul melalui program tersebut yang berlangsung selama dua jam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees berkata, beliau amat terkejut apabila menyaksikan begitu banyak sampah dibuang di sepanjang kawasan pantai berkenaan.

“Setiap tahun, jutaan tan sisa plastik dikumpul dari kawasan laut.

“Keadaan ini berlaku kerana kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar.

“Mereka yang datang ke pantai ini suka membawa makanan serta minuman dan kemudian pembalutnya akan dibuang ke laut, ini perbuatan tidak ada sivik,” tegasnya.



**M. Satees (barisan kedua, berkemeja putih) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan para peserta bersempena program Gotong-royong R&R Bagan Ajam di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, seramai 350 sukarelawan yang terlibat adalah terdiri daripada guru, pelajar, ibu bapa, ahli-ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan para alumni Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Butterworth, manakala selebihnya dari pelbagai organisasi seperti *Flex Penang*, Malaysia Hindu Sangam, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan beberapa pelajar dari *Seisen University*, Tokyo, Jepun yang berada di Pulau Pinang untuk lawatan sambil belajar.

Dalam pada itu, Pengetua SMK Convent Butterworth, Lim Lean Yolk memberitahu bahawa pelajar-pelajar terlibat dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diberikan beg plastik hitam untuk mengumpul sampah yang dikutip.

“Program ini membantu para pelajar menyedari betapa pentingnya menjaga alam sekitar,” katanya sambil menambah bahawa acara tersebut juga merupakan sebahagian daripada projek sekolah hijau mereka.

Pengerusi PIBG Convent Butterworth, M. Manogaran berharap agar program pembersihan pantai dapat dijalankan pada setiap tahun berikutan sambutan baik ditunjukkan oleh semua pihak termasuk pelajar.

“Kami berharap acara ini dapat menanam rasa cinta dan memupuk kesedaran menjaga alam sekitar dalam kalangan pelajar,” ulasnya.






**CHONG Eng (berbaju merah jambu) bersama-sama sebahagian peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Program Gotong-royong dan Pembersihan Sungai Rambai di sini baru-baru ini.**

## Semai sikap hargai air, seru Exco

**PADANG LALANG** – Sungai yang merupakan sumber air perlu diurus dengan baik dalam usaha melindunginya daripada sebarang bentuk pencemaran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng berkata, masyarakat perlu menyedari bahawa sungai adalah khazanah alam yang perlu dipelihara supaya fungsinya dalam kehidupan seharian sentiasa berkekalan dan terjamin.

“97 peratus daripada sumber air kegunaan penduduk negara adalah dari sungai, hanya tiga peratus sahaja dari sumber (air) bawah tanah.

“Tetapi di Pulau Pinang, masyarakat perlu sedar bahawa 80 peratus daripada sumber air negeri adalah berasal dari Ulu Muda, Kedah… oleh itu jika sungai-sungai ini dibanjiri dengan sampah-sarap, ia akan memberikan kesan buruk kepada sumber air kegunaan harian kita.

“Pencemaran air sungai di Pulau Pinang merupakan salah satu isu utama, ia bukan sahaja mempengaruhi bekalan air, malah menjadi punca kepada berlakunya banjir kilat, justeru sikap ambil mudah iaitu membuang sampah ke dalam sungai serta parit harus diubah,” tegasnya pada penganjuran program Gotong-royong dan Pembersihan Sungai Rambai di sini baru-baru ini.

Penganjuran yang memperoleh penglibatan daripada 200 pelajar *Jit Sin High School* (JSHS) umumnya adalah bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai peri penting penjagaan dan kebersihan sungai.

Selain kebersihan sungai demi kelangsungan sumber air, Chong Eng yang juga merupakan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam turut menyeru masyarakat agar mengamalkan penjimatan air.

“Seperti yang diketahui umum, Pulau Pinang mengenakan caj bekalan air paling rendah, sebab itulah pengguna telah terbiasa dengan sikap menggunakan air berlebih-lebihan.

“Sikap ini perlu diubah…walaupun secara amnya kita (Pulau Pinang) tidak pernah ada masalah air secara besar-besaran seperti negeri-negeri lain, tetapi sikap menghargai air adalah perlu disemai,” seru beliau.

# Nur Azim Assyakirin rangkul 'Kasut Emas' di China

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**PENERIMA** Anugerah Kasut Emas di China, **NUR AZIM ASSYAKIRIN AZMAN** tidak menyangka penyertaan sulungnya mewakili negara dalam Kejohanan Bola Sepak Remaja ASEAN Bawah 12 Tahun menjadi pengalaman manis buat dirinya.

Beliau berjaya mengharumkan nama Malaysia dalam pertandingan tersebut yang disertai sembilan negara lain seluruh dunia bagi merebut Piala Soong Ching Ling.

Meskipun skuad Malaysia meraih tempat ketiga dalam kejohanan tersebut, namun Nur Azim Assyakirin berjaya merangkul Anugerah Kasut Emas selepas menjadi penjaring terbanyak kejohanan dengan sumbangan lapan gol buat Malaysia.

Ketika ditemui, beliau yang merupakan pemain dari Akademi Tunas Timur Laut mendedikasikan kemenangan tersebut kepada kedua-dua ibu bapa dan para jurulatih yang sentiasa memberi kata-kata semangat serta dorongan semasa menjalani latihan serta perlawanan.

Apabila diajukan soalan mengenai cabaran yang dihadapi sepanjang perlawanan, Nur Azim Assyakirin memaklumkan bahawa kekangan menyesuaikan diri dengan makanan menjadi cabaran buat dirinya sepanjang tempoh berada di sana.

"Saya harus menyesuaikan diri dengan makanan di sana yang kurang menepati cita rasa saya.

"Namun begitu, saya juga perlu menjaga pengambilan makanan dan kesihatan supaya dapat menjalani latihan serta menyertai perlawanan dengan baik.

"Mengenai latihan di sana (China)…ia tidak memberi sebarang penekanan kerana kekangan masa dan kami (bersama-sama rakan seperjuangan) menerima latihan yang secukupnya di Stadium Bukit Jalil sebelum bertolak ke Hangzhou," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada 26 Ogos lalu.

Walaupun pada awalnya beliau risau dengan saiz tubuh badan pesaing yang jauh lebih besar berbanding dirinya, namun ia tidak menjadi penghalang untuk terus berjuang sepanjang perlawanan.

Ketika sesi wawancara diadakan, Nur Azim Assyakirin berada di majlis meraikan kemenangan beliau dekat Dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Pekaka.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), A. Kumaresan yang berbangga dengan kejayaan yang dikecapi beliau di persada bola sepak dunia.

"Kejayaan Nur Azim Assyakirin yang dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kasut Emas merupakan sesuatu yang membanggakan bukan sahaja bagi Pulau Pinang malah juga rakyat Malaysia.

"Saya berharap kejayaan Nur Azim (Assyakirin) dalam penampilan sulungnya di China menjadikannya sebagai 'produk' penting kelahiran MuFA dalam arena bola sepak negara suatu hari nanti.

"Syabas dan tahniah, saya percaya beliau mempunyai masa depan yang cerah!" zahir Kumaresan selaku Penaung Mutiara United Football Club (MUFA).

Sejurus majlis tersebut, Kumaresan berkesempatan menyempurnakan pelancaran Akademik Bola Sepak Wanita MUFA pertama di Pulau Pinang.

Turut hadir, Presiden MuFA, Naser Medina; Timbalan Presiden MuFA merangkap Pengerusi Liga Akademi Bolasepak Pulau Pinang (LABPP), Yusri Abd. Hamid dan Setiausaha Kehormat Persatuan Bolasepak Pulau Pinang (FAP) merangkap Penasihat MUFA, Dastagir Mohd. Yassin.




**A. Kumaresan (empat dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama Nur Azim Assyakirin Azman (empat dari kanan) dan pihak-pihak berkaitan.**



**NUR Azim Assyakirin Azman menunjukkan pingat dan Anugerah Kasut Emas yang dimenanginya dalam Kejohanan Bola Sepak Remaja ASEAN Bawah 12 Tahun baru-baru ini.**



# Usahawan dan penggerak koperasi diseru sesuaikan kemudahan e-dagang

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA -** Usahawan, termasuk penggerak koperasi di negeri ini diminta supaya cepat menyesuaikan diri dengan kemudahan e-dagang demi memperluaskan pasaran perniagaan masing-masing.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa *Google* pada hujung tahun lepas dilaporkan telah meningkatkan ramalan korporat mereka bahawa sektor e-dagang berkembang lebih cepat daripada jangkaan asal serta akan meraih RM426 bilion dalam nilai barangan kasar (GMV) menjelang 2025.

"Tabiat pengguna telah berubah, rakyat sudah ada yang tidak pergi lagi ke pasar basah dan pasar raya disebabkan trafik sesak dan sebagainya, kerana ada cara dengan membeli-belah dalam pasaran digital.

"Model perniagaan berubah, jadi semua usahawan mesti menyesuaikan diri dengan perubahan berkaitan.

"Selepas enam bulan ini, saya nak tengok ada rekod cemerlang daripada para usahawan yang mengikuti seminar ini," ujarnya dalam Seminar Infiniti e-Dagang Pulau Pinang 2019 di sini 21 Ogos 2019.

Dilaporkan, e-dagang menyumbang sebanyak RM86.5 bilion untuk Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2017 dengan pertumbuhan tahunan pada 12.5 peratus.




**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.**

Mengambil kira perkembangan itu, Abdul Halim memberitahu bahawa dengan memuat turun aplikasi e-dagang *PG Mall - https://pgmall.my/eBiz-COOP-MART* - dalam telefon pintar masing-masing, pelanggan sudah boleh membeli barang-barang yang dipasarkan oleh beberapa koperasi dari negeri ini.

Setakat ini, tambah beliau, enam koperasi telah memanfaatkan fasiliti e-dagang berkaitan, iaitu Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam; Koperasi Wanita Kepala Batas Bhd.; Koperasi Perdasama Pulau Pinang Berhad; Koperasi Bioteknologi Pertanian Pulau Pinang; Koperasi Guru Besar SK Pulau Pinang dan Koperasi Nurul Islam Pulau Pinang Bhd.




**ABDUL Halim Hussain (tiga dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian jawatankuasa penganjur dan peserta penganjuran Seminar Infiniti e-Dagang Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.**

"Pada tahun ini juga, kita sasar sekurang-kurangnya 100 usahawan dan penggerak koperasi dapat menyertai seminar seumpama ini, dengan kerjasama PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang), juga (agensi persekutuan) SME Corp., supaya lebih ramai lagi manfaatkan e-dagang.

"Dapat juga kita (Kerajaan Negeri) lihat hasil mereka yang cemerlang dalam memperluas pasaran perniagaan secara atas talian, menerusi e-dagang ini," jelas Abdul Halim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.




# Kepulangan pelajar dinanti demi capai Visi Penang2030

Oleh : **SUNARTI YUSOFF & SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



KETUA Menteri sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan berkaitan kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Cek Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT Peringkat Daerah SPU di sini baru-baru ini.

**BERTAM -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyumbang sebanyak RM337,300 bagi membantu 443 pelajar dari Daerah Seberang Perai Utara (SPU) yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) dan politeknik dalam negara.

Kesemua pelajar yang layak masing-masing menerima bantuan bernilai RM1,200 bagi yang berjaya melanjutkan pengajian di Sabah dan Sarawak, RM1,000 (Semenanjung) dan RM300 untuk ke politeknik.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, walaupun nilai bantuan yang diberikan mungkin dilihat kecil bagi sesetengah pihak, namun Kerajaan Negeri berharap ia sedikit-sebanyak dapat membantu meringankan beban ibu bapa serta pelajar-pelajar terlibat.

"Justeru, besarlah harapan Kerajaan Negeri dan ibu bapa agar para pelajar dapat memberikan fokus yang lebih sepanjang tempoh pengajian nanti.

"Kami menantikan kepulangan anda untuk bersedia menyumbang tenaga, idea dan bakat demi kemakmuran serta kesejahteraan negeri selaras dengan Visi Penang2030 iaitu dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara," ucapnya pada Majlis Penyampaian Cek Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT Peringkat Daerah SPU di sini 3 September lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Mohd. Ali Sebran; Pegawai Daerah bagi Daerah SPU, Zulkifli Rashid serta Pegawai-pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK).

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut menjelaskan bahawa perubahan serta transformasi alam pekerjaan baharu pada masa kini dan masa hadapan memaksa ilmu-ilmu Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) menguasai dunia kini.

"Oleh itu, bagi memenuhi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri mengambil langkah memperkenalkan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) menerusi PSDC (*Penang Skills Development Centre*), PSC (*Penang Science Cluster*), PDL (*Penang Digital Library*) dan banyak lagi sebagai persediaan generasi masa depan mendepani cabaran IR4.0.

"Semua organisasi ini berperanan untuk mempromosi, menanam serta meningkatkan daya saing di dalam STEM kepada anak-anak di negeri ini sebagai persediaan awal untuk menarik minat serta kesungguhan mereka bagi mendorong penguasaan disiplin dan teras berkaitan secara konsisten," jelasnya.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual beberapa penerima bantuan untuk mendapatkan reaksi mereka berkaitan insentif yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri tersebut.



NUR Farhanah Roslan.




NUR Salam Ismail.



NUR Nayli Afiqah Jamaludin.

**NUR FARHANAH ROSLAN**, 20, menzahirkan perasaan syukur kerana terpilih sebagai salah seorang menerima bantuan.

"Saya gembira kerana dengan adanya bantuan ini, ia akan dapat mengurangkan sedikit beban ibu bapa saya yang sedang menanggung lima lagi adik-beradik masih bersekolah.

"Wang ini saya akan simpan untuk membeli buku bagi kemasukan semester kedua nanti," katanya yang bakal melanjutkan pengajian ke Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam jurusan Pengajian Islam.

Seorang lagi pelajar yang juga bakal melanjutkan pelajaran ke UniSZA, **NUR SALAM ISMAIL**, 18, mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas pemberian bantuan pendidikan tersebut.

"Saya akan menggunakan wang ini dengan sebaiknya iaitu untuk membayar yuran dan membeli buku teks memandangkan harga buku bagi keperluan di universti agak mahal," jelasnya yang akan mengambil jurusan Usuludin.

Bagi **NUR NAYLI AFIQAH JAMALUDIN**, 18, bantuan yang diterima daripada Kerajaan Negeri tersebut adalah sangat bermakna kerana dapat membantu ramai pelajar yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya.

"Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri sebab begitu prihatin terhadap keperluan rakyat, dan bantuan ini sememangnya dapat membantu ramai pelajar terutamanya yang kurang mampu untuk meneruskan pengajian mereka," ulasnya yang bakal menyambung pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Merbok, Kedah.

**MUHAMMMAD AMIRUL FITRI ISMAIL**, 21, pula memberitahu bahawa wang berjumlah RM1,000 yang diterima akan digunakan untuk membayar yuran pengajian di universiti kelak.



MUHAMMAD Amirul Fitri Ismail.

"Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri atas pemberian yang sangat bermakna bagi saya," ujar beliau.

# Lesen moratorium hiburan mulai 1 September




Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mula mengeluarkan lesen moratorium bagi aktiviti hiburan dan tempat hiburan awam di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak 1 September lalu.

Ahli Majlisnya, Wong Yuee Harng berkata, pihak MBPP banyak menerima permohonan lesen (hiburan) di kawasan berkenaan.

"Di dalam pelan Rancangan Kawasan Khas (RKK) untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO yang dilaksanakan pada September 2016, lesen moratorium hiburan hanya tertakluk kepada empat kategori permohonan iaitu di kawasan *Upper Penang Road*, hotel, rumah kelab dan kompleks.

"Tetapi mulai 1 September 2019, kategori lain telah dibenarkan membuat permohonan, walau bagaimanapun kadar lesen yang ditetapkan adalah sebanyak lima kali ganda daripada kadar lesen asal.

"Kenaikan ini… 1/5 (bayaran asal lesen) akan diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri, manakala selebihnya dimasukkan sebagai hasil Majlis," ujarnya lanjut pada sidang media selepas Mesyuarat Biasa Majlis



WONG Yuee Harng.

(MBM) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis, Nur Zarina Zakaria.

Difahamkan, kadar tahunan lesen hiburan sebelum ini ditetapkan pada kadar RM1,200 bagi (lesen) muzikal, nyanyian (RM1,200) dan karaoke terbuka (RM660).

Mengulas lanjut mengenai pelaksanaan tersebut, Yuee Harng yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP menjelaskan bahawa pemegang lesen dikehendaki membuat bayaran deposit sebagai jaminan pematuhan syarat moratorium sebanyak RM5,000 sepanjang tempoh ia dilaksanakan.

"Tempoh masa aktiviti hiburan ini hanya dibenar dijalankan dari jam 8 malam hingga 3 pagi.

"MBPP berhak membatalkan mana-mana lesen sekiranya terdapat pelanggaran syarat atau mendatangkan kacau ganggu ataupun pengusaha telah melanggar mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia," tegas beliau.

# Garis panduan tukar guna bangunan kediaman kepada tadika, taska dan pusat jagaan dipinda



NUR Zarina Zakaria.

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membuat pindaan terhadap garis panduan pengawalan tukar guna bangunan kediaman kepada tadika, taska, pusat jagaan kanak-kanak, pusat jagaan ibu bersalin dan anak serta pusat jagaan orang tua di kawasan pentadbirannya baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan MBPP, Nur Zarina Zakaria berkata, berkuat kuasa September 2019, di bawah perkara tujuh garis panduan yang disemak semula itu mengkehendaki mana-mana pemilik pusat-pusat berkenaan supaya mendapatkan persetujuan pemunya lot batu sempadan.

"Jika di bawah garis panduan lama, pemilik hanya perlu mendapatkan persetujuan tuan tanah yang berkongsi dinding bagi kediaman rumah teres.

"Tetapi di bawah pindaan perkara tujuh, kini pemilik pusat perlu mendapatkan persetujuan pemunya lot batu sempadan juga, sekiranya tidak, pemunya lot batu sempadan boleh membuat bantahan untuk kediaman tersebut ditukar guna," jelasnya pada sidang media selepas Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut mengenai pusat-pusat jagaan dan asuhan sedia ada, Nur Zarina menjelaskan sekiranya tersenarai dalam pemutihan, pemilik pusat perlu membuat permohonan baharu.

"Bagi tadika, taska, pusat-pusat jagaan dan asuhan sedia ada yang bersebelahan dengan lot batu sempadan ini dan tergolong dalam senarai pemutihan, mereka (pemilik) mestilah membuat permohonan baharu," ujarnya.




# Ais Tingkap, jenama Pulau Pinang ke persada antarabangsa

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Nampak seperti air sirap selasih biasa yang ditambah dengan isi kelapa, tetapi hakikatnya rasanya cukup istimewa dan tidak asing lagi dalam kalangan penduduk di negeri ini sejak 100 tahun lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Ais Tingkap atau '*Window Sherbet*' merupakan salah satu minuman ais parut campuran istimewa yang hanya boleh didapati di Pulau Pinang.

"Saya dimaklumkan bahawa Ais Tingkap ini telah menempa nama dalam pelbagai liputan media termasuk *Time Out: Penang's 50 Things To Do In Penang* pada tahun 2017; *Penang Foodie*; *HungryGoWhere: Penang Road Food Trails 2013*; *Fried Chillies* dan *Smarter Travel* (syarikat informasi pelancongan) dari Amerika Syarikat.

"Dengan resipi turun-temurun sejak 100 tahun lalu, saya percaya perniagaan ini telah melalui pelbagai fasa jatuh serta bangun sejak 1919 sehingga kini serta masih teguh dan rancak menjalankan perniagaan oleh generasi kelima keluarga ini.

"(Dan) kehadiran saya adalah sebagai sebahagian sokongan dan dokongan daripada Kerajaan Negeri kepada para usahawan khasnya kepada usahawan muda yang berhasrat memulakan perniagaan.

"Kerajaan Negeri mempunyai beberapa inisiatif seperti Skim Pinjaman Harapan (SPH) sebagai galakan agar lebih ramai lagi individu tampil berani untuk menceburi sektor ini (pengusaha makanan dan minuman) sekaligus merancak dan mempelbagaikan lagi sektor ekonomi dan pelancongan Pulau Pinang selaras dengan Visi Penang2030," ucapnya pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Ais Tingkap di Lebuh Tamil dekat sini 2 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Presiden Liga Muslim Pulau Pinang, Datuk Haja Najmudeen Kader; Penasihat Pertubuhan Kebajikan Warisan Lebuh Tamil, Datuk Mejar Abdul Latif; Pengusaha Ais Tingkap, Mohd. Asri Seeni Mohamed serta beberapa pimpinan tempatan.

Ketika ditemui media, Kon Yeow berharap agar perniagaan Ais Tingkap dapat meneruskan legasi perniagaan mereka untuk 100 tahun lagi.

Baginya, tidak banyak perniagaan yang mampu bertahan sehingga 100 tahun kerana rakyat Pulau Pinang sendiri telah meletakkan suatu standard sebagai jaminan kepuasan dalam menikmati kepelbagaian makanan dan minuman tempatan yang ada di negeri ini.

"Apabila kita mempunyai sesuatu jenama yang baik, maka ia memberi keyakinan untuk melangkah lebih jauh dengan memperkenalkan makanan serta minuman tempatan di pasaran luar selain Pulau Pinang termasuk di peringkat antarabangsa.

"(Oleh) sebab itulah, George Town mendapat nama sebagai '*Food Capital of the World*' yang mana kebanyakan pelawat yang datang (ke negeri ini) adalah kerana kepelbagaian makanan dan minuman yang ada di sini.

"Jadi saya berharap, perniagaan ais tingkap ini dapat berkembang maju dan terus bertahan untuk 100 tahun lagi," katanya yang turut menyokong rancangan pengusaha Ais Tingkap ini untuk membuka cawangan di tempat lain.

Dalam majlis sama, Kon Yeow berkesempatan menunjukkan bakat menyediakan air sarbat istimewa berkaitan serta menyempurnakan upacara memotong kek dan melepaskan belon ke udara.

Menggunakan campuran bahan seperti biji selasih, akar sarbat, kembang semangkuk, getah anggur, air dan isi kelapa, Ais Tingkap turut mempunyai pelanggan dari luar negara.

Terletak bersebelahan Pasar Chowrasta, perniagaan keluarga secara turun temurun tersebut bermula dengan menjual air sarbat campuran istimewa melalui tingkap sehingga tahun 2011.

Walaupun jualan dari tingkap sudah tiada, namun namanya dikekalkan sebagai 'Ais Tingkap' sehingga kini.

Dijual pada harga RM2.50 ke RM3.00, ais tingkap sedap dinikmati untuk menghilangkan dahaga dan menyejukkan badan.






# Kerjasama tangani kes jenayah libat pelajar

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU LANCANG** - Program Pendidikan dan Kerjaya Murid 2019 merupakan salah satu daripada komitmen Pejabat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Lancang dalam usaha menangani kes-kes jenayah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya, Ong Ah Teong berkata bahawa program berbentuk taklimat tersebut bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid-murid tentang jenayah dan hukuman berdasarkan kesalahan dilakukan.

"Penglibatan golongan muda dalam kegiatan salah laku disiplin merupakan perbuatan yang perlu dilihat secara serius oleh semua pihak.

"Gejala ini boleh memberi impak negatif terhadap usaha kerajaan sekiranya ia tidak ditangani pada peringkat awal.

"Justeru, fokus program ini sememangnya tepat kerana golongan sasar (murid-murid) adalah amat penting bagi menjayakan visi untuk mewujudkan masyarakat bermoral dan berintegriti," katanya semasa merasmikan program berkaitan di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Heng Ee dekat sini 28 Ogos lalu.

Hadir sama, Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, Senior Asisten Komisioner (SAC) Datuk



**ONG Ah Teong (tengah, berkemeja kelabu), barisan jemputan, ahli-ahli jawatankuasa penganjur dan para peserta bergambar kenangan pada penganjuran Program Pendidikan dan Kerjaya Murid 2019 di sini baru-baru ini.**

Mohamad Anil Shah Abdullah; Timbalan Penguasa Penjara Reman Pulau Pinang, Mohd. Nizam Nazri dan Timbalan Ketua Polis Daerah (I) Timur Laut, Supritendan Izwan Abd. Karim.

Turut serta, Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Timur Laut, Haffizie Yahya; Penyelia Kanan Unit Pendidikan Pencegahan Dadah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Timur Laut, Jalil Abdul Karim; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), Thoy Siew Peng dan Pengetua SMJK Heng Ee, Loh Soo Ping.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu bahawa pihaknya akan sentiasa kerjasama dengan semua pihak dalam usaha menangani kes-kes jenayah melibatkan murid sekolah secara holistik serta kolektif.

Dalam pada itu, Mohamad Anil berharap agar pihak sekolah dapat mewujudkan Badan Beruniform Kadet Polis yang dilihat mampu mendisiplinkan para murid.

"Badan Beruniform (Kadet Polis) yang murid sertai memberi kesinambungan kepada mereka untuk terus menyertai aktiviti itu seperti Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) ataupun Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) semasa mereka melanjutkan pelajaran kelak.

"Saya juga menggalakkan pihak sekolah untuk memperkasakan lagi Kelab Pencegahan Jenayah supaya terus bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti di sekolah," serunya yang juga merangkap Naib Pengerusi I Yayasan Pencegahan Jenayah Negeri Pulau Pinang.



**SEBAHAGIAN pelajar meneliti sebahagian bahan pameran yang dipamerkan.**

**SEMAKAN STATUS PEMBAYARAN BAGI PROGRAM i-SEJAHTERA**

Pautan URL : https://isejahtera.penang.gov.my




## Makluman pembayaran secara pindahan wang/eft bagi Program Penghargaan Warga Emas Daerah Seberang Perai Tengah

**SUKACITA** dimaklumkan bahawa pembayaran bagi semua penerima terlibat telah selesai dilaksanakan pada 3 Jun 2019 melalui kaedah pindahan wang elektronik/ *Electronic Funds Transfer* (EFT). Sila ambil maklum bahawa pembayaran ini hanya melibatkan para penerima di bawah daerah Seberang Perai Tengah yang telah memilih untuk menerima sumbangan melalui kaedah EFT (belum membuat tuntutan).

Untuk semakan status bayaran anda, sila layari laman web i-Sejahtera di *www.isejahtera.penang.gov.my* dengan memasukkan nombor kad pengenalan anda di ruangan yang disediakan.

Bagi penerima berstatus EFT tidak berjaya, sila kemaskini semula maklumat akaun anda dengan segera. Sekiranya tiada kemaskini dilakukan, pembayaran akan dilakukan melalui kaedah tunai pada fasa berikutnya (dalam tahun semasa). Daripada keseluruhan 1,780 orang penerima EFT, sebanyak 32 pembayaran direkodkan sebagai tidak berjaya.

# Gotong-royong mega cermin keharmonian komuniti berdepan bencana

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADUN**

**BATU LANCANG** – Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong menganjurkan program gotong-royong mega bagi memulihkan kawasan Jalan Perak yang terjejas akibat tempias taufan Lekima baru-baru ini.

Beliau berkata, kerja-kerja pembersihan di sekitar kawasan terbabit berjaya disiapkan dalam masa satu hari dengan bantuan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, badan sukarelawan serta komuniti setempat.

"Terima kasih kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), pasukan Bomba dan Penyelamat Jalan Perak, Bomba Sukarela Lorong Perak, Balai Polis Jelutong, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Pemuda Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang, kakitangan SP Setia, kontraktor, pengikut-pengikut di *Facebook* dan semua yang hadir.

"Hasilnya, kita berjaya mengumpul kira-kira 28 tan sampah dan sisa-sisa kerosakan akibat bencana ini dimuatkan ke dalam 14 lori sampah.

"Ini satu kejayaan dan menunjukkan keharmonian masyarakat di Batu Lancang yang bersatu-padu ketika berdepan dengan bencana bagi memulihkan keadaan seperti sedia kala," ujarnya ketika ditemui di sini pada 18 Ogos lalu.

Menurut Ah Teong, kerja-kerja pembersihan adalah sedikit mencabar berikutan terdapat dua rumah di kawasan berkenaan yang mengalami kerosakan teruk.

"Kerja-kerja pembersihan memang memerlukan tenaga kerja yang banyak memandangkan jentera berat tidak dapat masuk kerana persekitaran di sini adalah agak sempit.

"Namun, saya bersyukur kerana semua pihak memberikan kerjasama dan kita berjaya lakukannya dalam satu pasukan," ujarnya.


AKTIVITI gotong-royong sedang dijalankan.


ONG Ah Teong (berbaju merah jambu), pihak-pihak berkaitan dan barisan sukarelawan merakam gambar berkumpulan sejurus program gotong-royong mega di sini baru-baru ini.

## Raikan Hari Kebangsaan dengan semangat perpaduan

**BATU LANCANG** – Sambutan Hari Kebangsaan Ke-62 yang diraikan pada pada tahun ini wajar dihayati sepenuhnya oleh semua lapisan masyarakat di negeri ini.

Ahli Parlimen (MP) Jelutong, R.S.N. Rayer berkata, penghayatan tersebut membolehkan rakyat di negara ini merasai kesusahan dan perit-getir terpaksa ditempuh pemimpin-pemimpin terdahulu dalam usaha membebaskan tanah air tercinta daripada belenggu penjajah.

"Hari ini kita tinggal dalam suasana yang harmoni dan bersatu-padu tanpa mengira kaum serta agama.

"Ayuh, kita semarakkan lagi perpaduan ini bukan sahaja semasa sambutan Hari Kebangsaan bahkan hari-hari biasa dengan memupuk semangat toleransi antara kaum," ucapnya pada Majlis Perasmian Ambang Kemerdekaan 2019 dekat Sekolah Kebangsaan (SK) Jelutong Barat di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Guru Besar SK Jelutong Barat, Nor Azmah Johari; Penolong Kanan Kokurikulum, Suzana Marliana Hasan serta guru-guru.

Pada sambutan tersebut, Rayer turut menyumbangkan 10 unit kipas dan berkesempatan meninjau kerja-kerja menaik taraf dewan sekolah berkenaan.


R.S.N. Rayer dan Ong Ah Teong merakam gambar kenangan bersama-sama para pelajar bersempena Majlis Perasmian Ambang Kemerdekaan SK Jelutong Barat 2019 di sini baru-baru ini.





SPH
SKIM PINJAMAN HARAPAN

SKIM PINJAMAN HARAPAN NEGERI PULAU PINANG

PERLUKAN MODAL TAMBAHAN?
INGIN KEMBANGKAN PERNIAGAAN?

DAPATKAN PINJAMAN PERNIAGAAN SEGERA!!!
TANPA CAGARAN DAN PENJAMIN

MUDAH DAN TIDAK MEMBEBANKAN

TERBUKA KEPADA SEMUA KAUM

PINJAMAN PERNIAGAAN DARI RM 1 000.00 HINGGA RM 25 000.00

**tertakluk kepada terma dan syarat kelayakan yang ditetapkan

SYARAT KELAYAKAN
- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun
- Pengundi di Pulau Pinang
- Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai tempat perniagaan
- Menjalankan perniagaan melebihi 6 bulan
- Mempunyai Lesen Perniagaan/Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- Nama tidak disenarai hitam (CTOS)

HUBUNGI SEGERA:
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN, PDC
Tel. **04-6340111** samb. **141/125/182/354/159/366**

**Bakat Si Cilik - Mewarna 2/2019**

PENANG 2030

# “Negaraku Tercinta”



Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Ogos 2019** hingga **30 September 2019.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah:**

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**